LAPORAN TAHUNAN 2018

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG



PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

*Penang Regional Development Authority*

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

# Laporan Tahunan 2018

*"Merealisasikan Harapan Rakyat"*


LUAR BANDAR SEJAHTERA
“Menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosio ekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar”
RINA
YB DATUK SERI RINA MOHD. HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

# ISI KANDUNGAN


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 1. | **PERUTUSAN PENGERUSI** | 01 |
| 2. | **ALUAN PENGURUS BESAR** | 05 |
| 3. | **LATAR BELAKANG ORGANISASI** | 09 |
| 4. | **PROFIL KORPORAT**<br>• Lembaga Pengarah<br>• Pengurusan Atasan<br>• Pengurus-Pengurus Bahagian & Ketua-Ketua Unit<br>• Jawatankuasa Audit PERDA | 13 |
| 5. | **LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN**<br>• Pengurusan Perjawatan<br>• Pengurusan Latihan<br>• Pengiktirafan & Kualiti<br>• Infrastruktur ICT | 20 |
| 6. | **LAPORAN PRESTASI KEWANGAN**<br>• Prestasi Perbelanjaan Mengurus<br>• Prestasi Perbelanjaan Pembangunan<br>• Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun | 27 |
| 7. | **LAPORAN PRESTASI PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN** | 35 |
| | **I. PERDA-TECH**<br>• Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran | 36 |
| | **II. PEMBANGUNAN HARTANAH**<br>• Projek Pembangunan Dalam Pembinaan<br>• Pemasaran Hartanah (Sewaan Premis PERDA) | 41 |

Mukasurat

**III. PEMBANGUNAN EKONOMI** 46
- Program Promosi Luar Negara
- Program Pembangunan Usahawan Mikro
- Program Peningkatan Pelancongan Bumiputera

**IV. PEMBANGUNAN MODAL INSAN** 58
- Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)
- Program Pemerkasaan Belia
- Program Pembangunan Ekonomi Belia & Wanita

8. **LAPORAN ANAK SYARIKAT - PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD. (PVISB)** 68

Pembangunan Hartanah
*Agro Industry*
Kompleks Pengurusan MIDTOWN
Perkhidmatan Pembersihan dan Penyelenggaraan

9. **LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME*** 82

Program Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran 2018
Program Usahawan Mikro 2017
Program SSPUP & SMPPU 2017
Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) 2017
Program Pemerkasaan Belia 2017
Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan Premis PERDA 2018

10. **DIARI PERISTIWA PERDA 2018** 89

11. **PERDA DI MEDIA 2018** 96

12. **PENYATA KEWANGAN PERDA 2018** 100

# JADUAL


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 1. | Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah Tahun 2018 | 15 |
| 2. | Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA | 18 |
| 3. | Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2018 | 21 |
| 4. | Pengiktirafan yang Dicapai oleh PERDA Dalam Tahun 2018 | 23 |
| 5. | Perisian yang Disediakan di PERDA dan PERDA-TECH | 25 |
| 6. | Sistem Aplikasi Online dan Elektronik di PERDA | 26 |
| 7. | Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sumber Dalaman sehingga 31 Disember 2018 | 28 |
| 8. | Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Wang Amanah sehingga 31 Disember 2018 | 30 |
| 9. | Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA bagi Tahun 2014 sehingga 2018 | 31 |
| 10. | Prestasi Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2018 | 32 |
| 11. | Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan sehingga 31 Disember 2018 | 34 |
| 12. | Bilangan Pelajar di PERDA-TECH mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2018 | 37 |
| 13. | Aktiviti-aktiviti Program MPDCA 2018 | 59 |
| 14. | Peperiksaan UPSR 2017 bagi Sekolah Tajaan PERDA | 60 |
| 15. | Peperiksaan UPSR 2017 bagi Sekolah Tajaan PERDA Mengikut Subjek | 60 |
| 16. | Peperiksaan UPSR Perbandingan Keseluruhan Pencapaian UPSR Tahun 2016 & 2017 bagi Sekolah Kebangsaan Tajaan PERDA | 61 |
| 17. | Perbandingan Pencapaian UPSR Tahun 2016 dan 2017 Mengikut Subjek bagi Sekolah Kebangsaan Tajaan PERDA | 61 |
| 18. | Pencapaian Pelajar SPM Tahun 2017 Jenis Aliran Sastera & Aliran Sains bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tajaan PERDA | 62 |
| 19. | Pencapaian SPM Tahun 2017 Jenis Aliran Sastera Mengikut Subjek bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tajaan PERDA | 62 |

# RAJAH



| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 1. | Kawasan Operasi PERDA | 10 |
| 2. | Susunan Kedudukan PERDA di bawah KPLB | 12 |
| 3. | Struktur Organisasi PERDA | 19 |
| 4. | Pematuhan Menghadiri Latihan Anggota Kerja Tetap PERDA Tahun 2018 | 22 |
| 5. | Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2017 & 2018 | 29 |
| 6. | Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Sumber Dalaman bagi Tahun 2017 & 2018 | 31 |
| 7. | Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah bagi Tahun 2017 & 2018 | 32 |
| 8. | Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2014 sehingga 2018 | 33 |
| 9. | Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan bagi Tahun 2014 sehingga 2018 | 33 |
| 10. | Pecahan Perbelanjaan Aktiviti Program Pembangunan Usahawan Mikro Tahun 2018 | 49 |
| 11. | Prestasi Pembangunan Taman PERDA Indah (Fasa 2B), SPU sehingga 31 Disember 2018 | 71 |
| 12. | Prestasi Pembangunan Taman Desa Permai (Fasa 2B), SPU sehingga 31 Disember 2018 | 72 |
| 13. | Prestasi Pembangunan Hotel & Pangsapuri Kos Rendah Telok Bahang , DBD sehingga 31 Disember 2018 | 73 |

# PERUTUSAN PENGERUSI

01

MOHAMED HANIFF KHATRI ABDULLA






# PERUTUSAN **PENGERUSI**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan sekelian alam, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang tercinta, ahli keluarga baginda, para Sahabat, Tabi'ut Tabi'in, solehin dan syuhada.**

Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana masih diberikan kekuatan untuk meneruskan perjuangan dan memikul amanah serta tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini untuk memberikan manfaat kepada insan di sekeliling.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada PERDA kerana berjaya menyiapkan Laporan Tahunan PERDA 2018 bagi merakamkan pencapaian PERDA untuk tatapan semua. Penghasilan laporan tahunan ini adalah merupakan satu khazanah intelek yang amat penting bagi kita melaporkan sumbangan PERDA sepanjang tahun 2018 yang berpaksikan kepada slogan PERDA iaitu "Merealisasikan Harapan Rakyat."

Sepanjang PERDA ditubuhkan, pelbagai cabaran dan rintangan yang telah ditempuh demi memastikan PERDA kekal relevan seiring dengan peredaran masa dan kehendak kumpulan sasar. Pembaharuan demi pembaharuan telah dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat di kawasan operasi PERDA yang mapan dan mempunyai daya saing yang tinggi selari dengan hasrat dan wawasan kerajaan.

Pada tahun 2018, PERDA telah bekerja keras bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat yang sewajarnya. Pelbagai usaha dan inisiatif telah di laksana berlandaskan isu dan kehendak semasa masyarakat. Program dan aktiviti yang dilaksanakan amat menitikberatkan kepada penghasilan *outcome* yang terbaik dan pada masa yang sama *"value for money."*

Seperti yang disedari semua, 9 Mei 2018 adalah titik tolak perubahan dan peredaran zaman yang pastinya mempunyai kesan tersendiri kepada PERDA khususnya dan masyarakat PERDA secara amnya.

Saya secara peribadi telah dilantik untuk menerajui dan menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi PERDA sejak dari 20 Disember 2018 dan menjadi tanggungjawab kita semua iaitu Ahli Lembaga Pengarah berserta pihak pengurusan dan warga kerja PERDA untuk berganding bahu dan bekerjasama dalam usaha untuk menyelesaikan segala isu permasalahan tadbir urus yang telah dan sedang dikenal pasti sejak dari pasca 9 Mei 2018, untuk tujuan memperoleh semula aset-aset hartanah dan dana PERDA yang telah tercicir atau hilang disebabkan ketirisan atau pun salah tadbir pengurusan sebelum ini.

Saya sesungguhnya percaya, hasil lengkap daripada usaha ini akan dapat dizahirkan secepat mungkin dan dapat ditampilkan di dalam Laporan Tahunan PERDA tahun 2020 kelak.

Bebas daripada itu, saya juga berharap PERDA dapat mempergiatkan lagi usaha-usaha dalam memajukan masyarakat di kawasan operasi agar menjadi *"Signature"* kejayaan agensi yang merupakan pemacu utama kesejahteraan rakyat Pulau Pinang khususnya. Kejayaan PERDA selama ini adalah hasil usaha sama semua pihak yang mana dedikasi mereka kepada pembangunan sosio ekonomi telah membawa PERDA ke tahap yang membanggakan.

Sepanjang tahun 2018, PERDA juga telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan hasil komitmen kesemua pihak. Sekalung tahniah kepada warga kerja PERDA kerana telah berjaya memperoleh 10 anugerah pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan benua antaranya kejayaan PERDA-TECH memenangi anugerah emas di Pertandingan *Asia Innovation Show* 2018, anugerah perak dan gangsa di Pertandingan *i-Compex* 2018 dan tempat pertama pertandingan *KV Skills* Zon Pulau Pinang.

# PERUTUSAN **PENGURUSI**

Di kesempatan ini juga, saya ingin melafazkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri, YB Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, Ketua Setiausaha KPLB, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan, pemimpin-pemimpin tempatan dan warga kerja PERDA atas sokongan yang diberikan. Semoga PERDA sentiasa melakarkan kejayaan demi kejayaan sebagai peneraju kemajuan dan pembangunan di wilayah Pulau Pinang.

Hatta, saya menjemput semua warga kerja PERDA dan masyarakat am PERDA untuk bersama-sama berganding bahu bagi merealisasikan segala “VISI” dan “MISI” untuk menggerakkan PERDA ke tahap kejayaan seterusnya yang lebih membanggakan kelak, insha-Allah.

Semoga PERDA dapat mengekalkan serta meningkatkan momentum kecemerlangan ini dari semasa ke semasa. Akhir kata dari saya, selamat maju jaya dan berkhidmatlah dengan penuh tanggungjawab serta amanah demi memenuhi harapan rakyat.

Sekian terima kasih, Wassalam.



MOHAMED HANIFF KHATRI ABDULLA
Pengerusi PERDA

ALUAN

# PENGURUS BESAR

## 02

HAJI ROSMAN HAJI HASHIM






# ALUAN PENGURUS BESAR

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.**
**Segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan sekelian alam, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang tercinta, ahli keluarga baginda, para Sahabat, Tabi'ut-Tabi'in, solehin dan syuhada.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Laporan Tahunan PERDA 2018 telah dapat disiapkan dengan jayanya. Laporan tahunan ini merupakan satu wadah bagi merekodkan pencapaian PERDA dalam menggembeleng usaha memajukan masyarakat Pulau Pinang.

Realitinya, tahun 2018 adalah merupakan tahun yang paling mencabar bagi PERDA dan sarat dengan peristiwa pahit dan manis. Dengan komitmen dan kegigihan, semua warga PERDA telah bersama-sama mengharungi gelombang ini dengan jayanya. Sesungguhnya pencapaian yang diperolehi ini merupakan kayu pengukur bagi PERDA untuk terus komited dalam memastikan PERDA kekal relevan sehingga kini.

Pada tahun 2018, PERDA telah mencapai 96.2 peratus prestasi perbelanjaan wang pembangunan semasa. Di bawah RP3 RMK-11 tahun 2018, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM20,429,600 bagi pelaksanaan tiga aktiviti pembangunan yang merupakan aktiviti sambungan iaitu aktiviti Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan kerja-kerja lain berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor berjumlah RM2,929,600, Penyediaan Infrastruktur Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap berjumlah RM4,500,000 dan Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran berjumlah RM6,500,000 serta 2 tajuk pembangunan yang baharu iaitu Pembinaan Infrastruktur PERDA-TECH berjumlah RM5,000,000 dan Pembinaan Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau berjumlah RM4,000,000.

Sehingga akhir tahun 31 Disember 2018, jumlah penyaluran peruntukan yang telah disalurkan kepada PERDA berjumlah RM22,929,600 yang melibatkan penambahan peruntukan bagi Pembinaan Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau sebanyak RM2,500,000.

Peruntukan Mengurus tahun 2018 bagi Dasar Sedia Ada telah diluluskan sebanyak RM17,489,100. Selain itu juga, PERDA telah disalurkan peruntukan tambahan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebanyak RM4,800,000. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah peruntukan Mengurus yang telah disalurkan adalah berjumlah RM22,189,095 dan telah dibelanjakan 100 peratus.

PERDA juga sentiasa merencanakan pelbagai pelan pembangunan bagi memajukan kumpulan sasar di kawasan operasinya dan telah mendapat sokongan yang padu dari *stakeholder*, pihak Kementerian dan juga Kerajaan Negeri.

Langkah yang proaktif juga telah dilaksanakan oleh PERDA pada tahun 2018 selaras dengan kehendak dan isu kumpulan sasar dengan dibantu oleh kekuatan seramai 279 orang kakitangan PERDA yang sangat komited serta mendokong setiap aktiviti PERDA ini dan diyakini bahawa PERDA mampu mengekalkan pencapaian sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) seperti yang ditetapkan. Pencapaian kepada KPI tersebut pada masa yang sama menyumbang kepada pencapaian objektif, misi dan visi PERDA.

PERDA telah melebarkan lagi sayapnya dalam membangunkan kumpulan sasar dengan jalinan strategik melalui ikatan persefahaman dengan beberapa agensi awam dan swasta. Ini telah dizahirkan di bidang latihan dengan kerjasama strategik antara PERDA-TECH dengan pihak universiti dalam membangunkan modul dan kurikulum pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Dengan pengenalan kepada teknologi baru dalam pembuatan juga dapat menjadikan pelajar PERDA-TECH mempunyai nilai tambah di pasaran pekerjaan.

ALUAN
# PENGURUS BESAR

Sesungguhnya peranan yang digalas oleh PERDA bagi memastikan rakyat menerima manfaat dalam arus pembangunan negara adalah besar dan mendapat sokongan pelbagai pihak terutamanya KPLB, ICU JPM, EPU dan agensi-agensi lain yang banyak memberikan sokongan hingga program memajukan masyarakat di Pulau Pinang dapat di laksanakan dengan jayanya.

Sebagai penutup kata,  saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, YB Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, Ketua Setiausaha KPLB,  Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan, pemimpin-pemimpin tempatan dan warga kerja PERDA yang telah terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan program sepanjang tahun 2018. Banyak yang telah kita laksanakan untuk rakyat namun masih banyak lagi yang rakyat harapkan daripada kita dan menjadi tanggungjawab kita untuk memenuhi harapan tersebut.

Sekian, terima kasih.



HAJI ROSMAN HAJI HASHIM
Pengurus Besar PERDA

# LATAR BELAKANG
# ORGANISASI

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

# 03



# Kawasan
# Operasi PERDA

PETUNJUK

- Kawasan Operasi PERDA (Tidak Termasuk Daerah Timur Laut)
- Kawasan Metropolitan
- Kawasan Hutan Simpan

**SPU** Seberang Perai Utara
**SPT** Seberang Perai Tengah
**SPS** Seberang Perai Selatan
**DBD** Daerah Barat Daya
**DTL** Daerah Timur Laut




Nota:
Kawasan operasi PERDA tidak termasuk bandar/pekan yang diwartakan, tanah simpanan, sungai, hutan simpan, simpanan kubur, pantai dan pulau-pulau.

**RAJAH 1 : KAWASAN OPERASI PERDA**

# Penubuhan **PERDA**

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). PERDA telah mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM). Mulai November tahun 2018 PERDA telah dilletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

## OBJEKTIF PERDA

- Memajukan masyarakat khususnya kumpulan sasar PERDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup;
- Membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastruktur;
- Mengimbangi pembangunan di dalam kawasan operasi PERDA dengan kawasan di luar operasi PERDA.

## FUNGSI PERDA

- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

## MISI PERDA

- Agensi yang menggerak pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program/projek sosioekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik.

## VISI PERDA

- Agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan Wilayah Pulau Pinang.

## RAJAH 2 : SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)




- PEJABAT KPLB NEGERI SABAH
- PEJABAT KPLB NEGERI SARAWAK
- PEJABAT KPLB NEGERI PAHANG
- PEJABAT KPLB NEGERI SELANGOR/W.P KL
- PEJABAT KPLB NEGERI SEMBILAN/ MELAKA
- PEJABAT KPLB NEGERI PERAK
- PEJABAT KPLB NEGERI KELANTAN
- PEJABAT KPLB NEGERI KEDAH/PERLIS/P.PINANG
- PEJABAT KPLB NEGERI TERENGGANU
- PEJABAT KPLB NEGERI JOHOR

PROFIL
# KORPORAT

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

# 04





**DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA**
Pengerusi



**DATO' IR.DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN**
Timbalan Pengerusi



**DATUK ZOLKOPLI DAHALAN**
Wakil Kerajaan Persekutuan



**DATIN ROSNI MOHD YUSOFF**
Wakil Kerajaan Persekutuan

## AHLI LEMBAGA PENGARAH PERDA
SEHINGGA JUN 2018



**DATO' HAJI AHMAD DARUS**
Wakil Berkedudukan Profesional



**MOHD. YAZID OSMAN**
Wakil Berkedudukan Profesional



**DR. NOOR SIAH IDRIS**
Wakil Berkedudukan Profesional



**HAJI ROSMAN HAJI HASHIM**
Pengurus Besar PERDA

# Ahli Lembaga Pengarah PERDA
MULAI NOVEMBER 2018



**MOHAMED HANIFF KHATRI ABDULLA**
Pengerusi
20 Dis. 2018 - 19 Dis. 2020



**DATO' DR. AHMAD JAILANI MUHAMED YUNUS**
Pengerusi
1 Nov. 2018 - 18 Dis. 2018



**DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI ZAKARIA**
Wakil Kerajaan Persekutuan
20 Nov. 2018 - 19 Nov. 2020



**AHMAD ZAMRI KHAIRUDDIN**
Wakil Kerajaan Persekutuan
12 Mac 2018 - 15 Jun 2019



**DATIN ROSNI MOHD YUSOFF**
Wakil Kerajaan Persekutuan
20 Feb. 2017 - 15 Jun 2019



**DATO' SERI FARIZAN DARUS**
Wakil Kerajaan Negeri
20 Nov. 2018 - 19 Nov. 2020



**ABDUL RAHMAN JOHOR**
Wakil Kerajaan Negeri
20 Nov. 2018 - 19 Nov. 2020



**HAJI ROSMAN HAJI HASHIM**
Pengurus Besar PERDA
Mulai 1 Januari 2016

**JADUAL 1 : Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2018**

| KEHADIRAN MESYUARAT TAHUN 2018 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL.** | **NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH** | **BIL. 1 6 FEB** | **BIL. 2 28 MAC** | Proses Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Yang Baru | **NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH** | **BIL. 3 1 DIS** |
| 1. | DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA | Hadir | Hadir | | DATO' DR. AHMAD JAILANI MUHAMED YUNUS | Hadir |
| 2. | DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN MYDIN | Hadir | Hadir | | DATO' SERI FARIZAN DARUS | Hadir |
| 3. | DATUK ZOLKOPLI DAHALAN | Hadir | Hadir | | DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI ZAKARIA | Hadir |
| 4. | DATIN ROSNI MOHD YUSOFF | Hadir | Tidak Hadir | | DATIN ROSNI MOHD YUSOFF | Tidak Hadir |
| 5. | DATO' AHMAD DARUS | Hadir | Hadir | | AHMAD ZAMRI KHAIRUDDIN | Hadir |
| 6. | DR. NOOR SIAH IDRIS | Hadir | Hadir | | ABDUL RAHMAN JOHOR | Hadir |
| 7. | MOHD. YAZID OSMAN | Hadir | Hadir | | HAJI ROSMAN HAJI HASHIM | Hadir |
| 8. | HAJI ROSMAN HAJI HASHIM | Hadir | Hadir | | SHARIFAH HAMIDAH SYED HARUN (AHLI GILIR) | Hadir |
| 9. | SALHAH SALLEH (AHLI GILIR) | Tidak Hadir | Tidak Hadir | | RAUDATIL JANNAH ABDUL WAHAB ZEN (AHLI GILIR) | Tidak Hadir |
| 10. | RAUDATIL JANNAH ABDUL WAHAB ZEN (AHLI GILIR) | Tidak Hadir | Tidak Hadir | | | |

→ Hadir → Tidak Hadir

# Pengurusan Atasan



**MOHD. ASRI BAHAROM**
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PEMBANGUNAN)

**HAJI ROSMAN HAJI HASHIM**
PENGURUS BESAR

**NOOR HAYATI HAJI ISHAK**
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PENGURUSAN)

# Pengurus-Pengurus **Bahagian**



**ROHAIMI OTHMAN**
Pembangunan Ekonomi

**HAJI ANUAR SHAHAB**
Perancangan Strategik

**ZOLKHIFLI MOHAMED**
PERDA-TECH



**SAADIN KADIR**
Pembangunan Insan

**KOSONG**
Hartanah & Teknikal

**NOR RIYANA RAMLI**
Kewangan

**MOHD. SALLEH HUSAIN**
Khidmat Pengurusan

**HERETI DESA**
Teknologi Maklumat

# Ketua-Ketua **Unit**



**MOHD. HAZAHARI MD. HARIS**
Pelaburan

**YOHANA PUTEH**
Undang-Undang

**HAJI MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR**
Audit Dalam

**SAIDATUL IZZAT MOHAMAD SHUKRI**
Integriti

**MOHD. AFFENDI MOHD. NOR**
Perhubungan Awam

# Jawatankuasa **Audit PERDA**

Kecemerlangan pengurusan merupakan satu komponen terpenting dalam tadbir urus sektor awam. Antara fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit PERDA adalah menjalankan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan bagi menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Berdasarkan para 3.1 di dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang menyatakan, "Bagi tujuan meneliti kedua-dua laporan Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar, Lembaga Pengarah hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Audit yang keahliannya dilantik daripada kalangan Ahli Lembaga Pengarah".

Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tiga hingga lima orang yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif termasuk Pengerusinya. Pengerusi Jawatankuasa Audit boleh dilantik oleh ahlinya sendiri atau Lembaga Pengarah. Ketua Unit Audit Dalam hendaklah mengurusetiakan Jawatankuasa Audit ini. Mesyuarat Jawatankuasa Audit dirancang diadakan sebanyak empat kali setahun. Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA adalah seperti di Jadual 2.

**JADUAL 2 : Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA**

| NAMA | KEANGGOTAAN |
|---|---|
| **DATIN ROSNI BINTI MOHD YUSOFF**<br>Ahli Lembaga Pengarah | Pengerusi |
| **DATO' AHMAD DARUS**<br>Ahli Lembaga Pengarah (sehingga Jun 2018) | Ahli |
| **NORIYAH KANDAR**<br>Ahli Lembaga Pengarah (sehingga Jun 2018) | Ahli |
| **MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR**<br>Juruaudit Dalam | Urus Setia |



Unit Audit Dalam PERDA membuat semakan akhir sebelum membentangkan kertas cadangan.

RAJAH 3 : STRUKTUR ORGANISASI PERDA





# LAPORAN KHIDMAT
# PENGURUSAN

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

05

# LAPORAN **KHIDMAT PENGURUSAN**

Khidmat Pengurusan PERDA meliputi pengurusan perjawatan, pengurusan latihan anggota PERDA serta pengiktirafan dan kualiti yang dicapai oleh PERDA. Sehingga 31 Disember 2018 jumlah keseluruhan anggota kerja PERDA adalah seramai 284 orang berbanding tahun 2017 seramai 279 orang.

## Pengurusan Perjawatan

PERDA telah diluluskan 288 jawatan yang terdiri daripada 8 bahagian dan 5 unit. Sehingga 31 Disember 2018 sebanyak 284 orang iaitu 98.6% perjawatan waran dari pelbagai kategori skim perkhidmatan telah diisi. Sebanyak 4 kekosongan adalah anggota kerja yang bersara. PERDA juga telah melantik 34 orang pegawai dan kakitangan lantikan kontrak *(Contract Of Service)* dengan sebahagian besar daripada jumlah perjawatan kontrak tersebut adalah untuk keperluan tenaga pengajar di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) untuk melatih dan mendidik sumber manusia yang profesional dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Perincian perjawatan sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti di Jadual 3 berikut;

**JADUAL 3 : Kedudukan Perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2018**

| KUMPULAN/GRED | PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi JUSA C | 1 | 1 | 0 |
| Pengurusan & Profesional (Gred 41-54) | 79 | 78 | 1 |
| Pelaksana (Gred 29-40) | 78 | 76 | 2 |
| Pelaksana (Gred 19-26) | 65 | 64 | 1 |
| Pelaksana (Gred 1-16) | 31 | 31 | 0 |
| **JUMLAH JAWATAN TETAP** | **254** | **250** | **4** |
| JAWATAN KONTRAK | 34 | 34 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **288** | **284** | **4** |

# Pengurusan Latihan

Di bawah Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia PERDA, setiap anggota PERDA perlu hadir sesi latihan sekurang-kurangnya 3 hari setahun bagi pencapaian objektif kualiti seperti ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sehingga 31 Disember 2018, seramai 250 anggota tetap telah mencapai 3 hari latihan atau lebih. Sebanyak 30 program latihan anjuran dalaman telah diadakan manakala 111 program latihan anjuran luar atau badan-badan lain .

Secara keseluruhannya, latihan yang telah dilaksanakan kepada anggota kerja pada tahun 2018 menepati keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam perkhidmatan. Rajah 4 berikut menunjukkan pematuhan menghadiri latihan bagi anggota kerja tetap PERDA tahun 2018.

**RAJAH 4 : Pematuhan Menghadiri Latihan Anggota Kerja Tetap PERDA Tahun 2018**




| | Pelaksana (Gred 1-18) | Pelaksana (Gred 19-28) | Pelaksana (Gred 29-40) | Pengurusan & Profesional | Pengurusan Tertinggi |
|---|---|---|---|---|---|
| > 3 hari | 31 | 64 | 76 | 78 | 1 |
| < 3 hari | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |



Bengkel *Retreat* Hala Tuju PERDA 2019-2023



Bengkel My Portfolio

# Pengiktirafan dan Kualiti

PERDA telah berjaya meraih sebanyak 10 anugerah/pengiktirafan sepanjang tahun 2018 melalui beberapa pertandingan dan persijilan yang disertai oleh PERDA dan PERDA-TECH. Penglibatan dan pengiktirafan yang diraih oleh PERDA telah menyuntikkan lagi semangat dan komitmen berterusan PERDA untuk menjadi agensi pelaksana yang dinamik. Jadual 4 berikut menunjukkan senarai anugerah/ pengiktirafan yang telah diterima oleh PERDA pada tahun 2018.

**JADUAL 4 : Pengiktirafan yang Dicapai Oleh PERDA pada Tahun 2018**

| BIL | ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN | PEMBERI ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN | TARIKH TERIMA |
|---|---|---|---|
| 1. | Penganugerahan Persijilan Semula Pelaksanaan MS ISO 9001: 2015. | SIRIM | 9 Februari 2018 |
| 2. | Pertandingan *i-COMPEX 2018*, memenangi 1 pingat Perak dan 2 pingat Gangsa. | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah | 22 Mac 2018 |
| 3. | Pertandingan *Asia Innovation Show 2018*, memenangi 2 pingat Emas. | UiTM | 29 April 2018 |
| 4. | Pertandingan *KV Skills* Zon Pulau Pinang 2018, memenangi tempat Pertama dan Ketiga. | Kolej Vokasional Zon P. Pinang | 28 Julai 2018 |
| 5. | Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. | Jabatan Audit Negara | 10 Ogos 2018 |
| 6. | Pertandingan Cabaran Inovasi Inklusif 2018 Zon Utara untuk *MINI RIDGER SET IMPLEMENT FOR CULTIVATOR MACHINE*, memenangi tempat ketiga kategori IPTA/S. | Yayasan Inovasi Malaysia | 4 September 2018 |
| 7. | Anugerah Akrab Organisasi Inovasi (Tahun 2017). | Jabatan Perdana Menteri | 18 Oktober 2018 |
| 8. | *3rd National Innovation Competition 2018*, memenangi pingat Perak dan Gangsa. | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin | 18 Oktober 2018 |
| 9. | Kejohanan Silat Antarabangsa dan pertandingan Seni Asli, memenangi pingat Perak & pingat Gangsa (Kategori Silat Olahraga). | UTHM | 3 November 2018 |
| 10. | Anugerah Kecemerlangan KPI - HRMIS Tahun 2017 | JPM | 23 November 2018 |

# Pengiktirafan dan Kualiti




Anugerah Akrab Organisasi Inovasi



Anugerah Khidmat Cemerlang 2018
(Haji Muhammad Fahimi Abu Bakar)




*3rd National Innovation Competition 2018,*
memenangi pingat perak dan gangsa




Inovasi Inklusif 2018 Zon Utara
*(MINI RIDGER SET IMPLEMENT FOR CULTIVATOR MACHINE)*, memenangi tempat ketiga kategori IPTA/S



Kejohanan Silat Antarabangsa dan pertandingan Seni Asli, memenangi pingat perak & pingat gangsa (Kategori Silat Olahraga).

# INFRASTRUKTUR **ICT**

Usaha ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam antara aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun 2018 adalah:

## Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

### Rangkaian *(LAN–Local Area Network)*

Menghubungkan capaian antara komputer, pencetak, *server* dan internet di PERDA dan PERDA-TECH, menggunakan talian fiber optik (*backbone*) berkelajuan 1GB.

### Talian Internet

Terdapat 3 jenis talian *Wide Area Network (WAN)* yang telah dipasang di Ibu Pejabat PERDA dan PERDA-TECH iaitu METRO-E di Ibu Pejabat PERDA (15Mbps) dan di PERDA-TECH (50Mbps) untuk kegunaan internet dan 1GOV*NET/EG* NET di Ibu Pejabat PERDA (2Mbps) untuk internet ICU(Aplikasi *online* perdana ICU).

### Perisian

Perisian-perisian yang digunakan bagi melancarkan operasi di PERDA dan pembelajaran di PERDA-TECH adalah seperti di Jadual 5;

**JADUAL 5 : Perisian yang Disediakan di PERDA dan PERDA-TECH**

| PERISIAN DI PERDA | PERISIAN DI PERDA-TECH |
|---|---|
| • *Windows XP,Vista,7/8/10, Linux CentOS v6.x/ v7.x, Unix AIX v5.3, Win Server v2003, v2008 R2, v2012 - operating system* | • *Windows XP , 7, 10 Pro* |
| • *Lotus Notes v7.2 - Email* | • *Microsoft Office 2007,VCNC, Mastercam, 3DS Max 7* |
| • *Citrix Xenserver 6.5 – Hypervisor vitual server* | • *Adobe After Effect7.0, Adobe Illustrator CS5, Adobe Photoshop CS6, Adobe Premier Pro CS6.* |
| • *Kaspersky Antivirus v10.x – anti virus* | • *Anark Studio 3.5, Autodesk Maya 2011* |
| • *Microsoft Office 2007 & 2013 – office automation* | • *Macromedia Dreamweaver 8, Macromedia Flash 8* |
| • *Joomla v1.5 & v3.5 – PERDA web site* | • *Sonic Foundry Acid Pro* |
| • *MySQL v2.5.x, Microsoft SQL Server 2005, Informix v9.40 - database* | • *Sony Sound Forge 8.0* |
| • *Visual Web Developer, Macromedia Dreamweaver, Power Builder - programming tools* | • *Autocad 2013* |
| • *Adobe Photoshop v6.x, Adobe After Effect v6.x, Proshow Producer v5.0 - Multimedia* | • *ProEngineer Wildfire 5.0* |

# Pembangunan dan Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan

Semenjak tahun 2015 PERDA telah meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui sistem-sistem aplikasi *online* dan elektronik di agensi. Bagi tahun 2018, kerja menambah baik sistem aplikasi antaranya ialah seperti yang dipaparkan di Jadual 6;

**JADUAL 6 : Sistem Aplikasi Online dan Elektronik di PERDA**

| | LAMAN SESAWANG/SISTEM PORTAL | TUJUAN |
|---|---|---|
| 1. | Laman Web PERDA | Makumat organisasi PERDA. |
| 2. | Sistem e-Didik | Sistem pembelajaran interaktif secara *online* untuk murid/pelajar PDCA. |
| 3. | Sistem Pendaftaran Surat | Rekod pendaftaran surat /dokumen diterima. |
| 4. | Sistem e-Sejahtera | Rekod maklumat penerima bantuan PERDA. |
| 5. | Sistem e-Usahawan | Rekod maklumat usahawan bimbingan PERDA . |
| 6. | Sistem *i-Proper* | Menguruskan maklumat perolehan tender dan sebutharga. |
| 7. | Maklumat Perunding/Pembekal | Rekod maklumat perunding/pembekal. |
| 8. | Sistem e-Dokumen | Mengurus maklumat dokumen di bilik sulit tingkat 5. |
| 9. | Sistem *Helpdesk* PERDA | Melaporkan aduan berkaitan kerosakan ICT di PERDA. |
| 10. | Sistem *i-Searching* | Menguruskan/memantau fail-fail. |
| 11. | Sistem e-Jualan | Merekod maklumat jualan usahawan pertengahan. |
| 12. | Sistem *MyAsset* | Menguruskan Aset dan Stor PERDA. |
| 13. | Laman IDEA Warga PERDA | Idea-idea bagi meningkatkan/memantapkan organisasi PERDA . |
| 14. | Sistem kemasukan PERDA-TECH *(INTAKE)* | Permohonan, pendaftaran dan pengambilan pelajar baru di PERDA-TECH. |
| 15. | Sistem Pengurusan Hasil PERDA (e-SPHP) | Pengurusan kutipan hasil & rekod akaun penyewa/pemajak premis PERDA. |
| 16. | Sistem *i-Training* | Rekod pematuhan 7 hari berkursus warga kerja PERDA. |
| 17. | Sistem e-PDCA | Rekod pelajar, kelas dan guru serta mengira pembayaran elaun guru. |
| 18. | Sistem Permohonan Perumahan PERDA | Pendaftaran pembelian perumahan secara atas talian. |
| 19. | Sistem Pengurusan Geran | Rekod geran tanah pengendalian PERDA. |
| 20. | Sistem Tempahan Kenderaan | Rekod tempahan kenderaan PERDA. |
| 21. | Sistem Pengurusan Kenderaan | Rekod mengurus kenderaan PERDA. |
| 22. | Sistem Bank Soalan PERDA-TECH *(e-Quest)* | Koleksi soalan-soalan peperiksaan semester PERDA-TECH. |
| 23. | Sistem Pengurusan Stor PERDA-TECH *(myStore)* | Menguruskan stor-stor yang dikendalikan oleh PERDA-TECH. |
| 24. | Sistem Perjawatan PERDA *(e-Recruit)* | Permohonan/pemilihan pemohon perjawatan secara atas talian. |








# LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

06

# LAPORAN **PRESTASI KEWANGAN**

## Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Mengurus bagi Dasar Sedia Ada telah diluluskan pada tahun 2018 berjumlah RM17,489,100. Daripada jumlah tersebut pihak PERDA telah dikenakan sekatan berjumlah RM100,005. Selain itu juga, pihak PERDA telah disalurkan peruntukan tambahan oleh pihak KPLB berjumlah RM4,800,000. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah peruntukan mengurus yang telah disalurkan adalah berjumlah RM22,189,095 dan prestasi perbelanjaan adalah 100%.

Peruntukan sumber dalaman PERDA sebanyak RM12,194,500 telah diluluskan bagi menampung kekurangan peruntukan mengurus yang telah dijangkakan. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah RM247,086.94 (2.03%) daripada sumber dalaman yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti di Jadual 7.

**JADUAL 7 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2018**

| BUTIRAN | DASAR SEDIA ADA | SUMBER DALAMAN |
|---|---|---|
| PERUNTUKAN DILULUSKAN | RM 17,489,100.00 | RM12,194,500.00 |
| PERUNTUKAN TAMBAHAN DILULUSKAN | RM4,800,000.00 | - |
| PERUNTUKAN DITERIMA | RM22,189,095.00 | - |
| **PERBELANJAAN** | **RM22,189,095.00 (100%)** | **RM247,086.94(2.03%)** |

Rajah 5 berikut menunjukkan perbandingan prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2017 dan 2018 iaitu peruntukan mengurus yang diluluskan dan peruntukan dari Kumpulan Wang (Sumber Dalaman) bagi tahun yang berkenaan.

**RAJAH 5 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2017 & 2018**



# Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

## Peruntukan Pembangunan

Di bawah *Rolling Plan* 3 RMKe-11 tahun 2018, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM20,429,600 bagi pelaksanaan 3 projek pembangunan yang merupakan projek sambungan iaitu Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU (berjumlah RM2,929,600), Projek Infrastruktur Perumahan Mampu Milik Di Sungai Bakap, SPS (berjumlah RM4,500,000) dan Program Pembangunan Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran (berjumlah RM6,500,000) serta 2 projek pembangunan yang merupakan projek baharu iaitu Pembinaan Infrastruktur PERDA-TECH (berjumlah RM5,000,000) dan Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang, DBD (berjumlah RM4,000,000).

Sehingga 31 Disember 2018, jumlah penyaluran peruntukan kepada pihak PERDA adalah berjumlah RM22,929,600 melibatkan penambahan peruntukan bagi 1 projek sambungan iaitu Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang, DBD yang melibatkan penambahan sejumlah RM2,500,000. Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti di Jadual 8.

**JADUAL 8 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan sehingga 31 Disember 2018**

| WANG SEMASA | PROGRAM/PROJEK | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PEMB.TENAGA MAHIR & LATIHAN KEMAHIRAN | PUSAT KOMERSIAL KUBANG MENERONG | INFRASTRUKTUR PERUMAHAN MAMPU MILIK SG. BAKAP | PERUMAHAN PPSR KUALA SG. PINANG | INFRASTRUKTUR PERDA-TECH | JUMLAH |
| PERUNTUKAN DILULUSKAN | RM6,500,000 | RM2,929,600 | RM4,500,000 | RM1,500,000 | RM5,000,000 | RM20,429,600 |
| PERUNTUKAN DITERIMA | RM6,500,000 | RM2,929,600 | RM4,500,000 | RM4,000,000 | RM5,000,000 | RM22,929,600 |
| PERBELANJAAN SEBENAR | **RM6,500,000** | **RM2,929,600** | **RM4,500,000** | **RM3,582,505** | **RM4,549,346** | **RM22,061,451** |
| PERATUS PERBELANJAAN | 100% | 100% | 100% | 89.6% | 91% | **96.2%** |

## Sumber Dalaman (Wang Hasil Pembangunan)

PERDA turut diluluskan penggunaan Sumber Dalaman (Wang Hasil Terkumpul Pembangunan Sehingga Tahun 2018) sebanyak RM27,000,000 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi. Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak RM13,701,236.44 (50.75%) telah dibelanjakan. Maklumat prestasi perbelanjaan terperinci adalah seperti di Rajah 6 dan Jadual 9.

**RAJAH 6 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Sumber Dalaman Tahun 2017 & 2018**




**JADUAL 9 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Sumber Dalaman sehingga 31 Disember 2018**

| Bil | Projek | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi (%) | Baki (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik Sg. Bakap, SPS | 650,000.00 | 190,481.06 | 29.30 | 459,518.94 |
| 2 | Akaun Akhir | 400,000.00 | 281,088.65 | 70.27 | 118,911.35 |
| 3 | Penyelenggaraan Premis, Ruang Niaga & IKS | 2,400,000.00 | 2,057,132.92 | 85.71 | 342,867.08 |
| 4 | Pemasaran Hartanah | 430,000.00 | 135,207.09 | 31.44 | 294,792.91 |
| 5 | Program Pemilikan Hotel PERDA di Teluk Bahang | 10,000,000.00 | 10,000,000.00 | 100.00 | 0.00 |
| 6 | Pengurusan Kompleks PERDA Food Park | 320,000.00 | 265,122.54 | 82.85 | 54,877.46 |
| 7 | Program Agrotourism Tasek Gelugor | 290,000.00 | 271,871.24 | 93.75 | 18,128.76 |
| 8 | Tabung Pelajar | 5,000.00 | 900.00 | 18.00 | 4,100.00 |
| 9 | CoAS | 260,000.00 | 215,096.00 | 82.73 | 44,904.00 |
| 10 | Kajian Dan Penilaian Outcome | 50,500.00 | 37,250.00 | 73.76 | 13,250.00 |
| 11 | Pengurusan | 12,194,500.00 | 247,086.94 | 73.76 | 11,947,413.06 |
| **Jumlah** | | **27,000,000.00** | **13,701,236.44** | **50.75** | **13,298,763.56** |

## Wang Amanah

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan Wang Amanah berjumlah RM3,900,000 daripada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) bagi pelaksanaan program & projek pembangunan. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah RM2,891,396.78 (74.14%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan Rajah 7 menunjukkan perbandingan perbelanjaan Wang Amanah bagi tahun 2017 & 2018 manakala prestasi perbelanjaan pembangunan Wang Amanah adalah seperti di Jadual 10.

**RAJAH 7 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Tahun 2017 & 2018**




**JADUAL 10 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah sehingga 31 Disember 2018**

| Bil | Projek | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi (RM) | Baki (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) | 2,200,000.00 | 1,903,224.91 | 86.51% | 296,775.09 |
| 2. | Program Sukses Asas Teknikal (SAKTI) | 270,000.00 | 141,224.96 | 52.31% | 128,775.04 |
| 3. | Program Kemahiran Tinggi Tahap 4 | 330,000.00 | 330,000.00 | 100.00% | 0.00 |
| 4. | Kursus Keusahawanan | 100,000.00 | 82,064.54 | 82.06% | 17,935.46 |
| 5. | Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX) | 500,000.00 | 73,892.48 | 14.78% | 426,107.52 |
| 6. | Program Pembangunan *Homestay & Agrotourism* | 200,000.00 | 169,946.55 | 84.97% | 30,053.45 |
| 7. | Program Pemerkasaan Belia | 230,000.00 | 140,783.99 | 61.21% | 89,216,.01 |
| 8. | Program Peningkatan Ekonomi Belia dan Wanita | 70,000.00 | 50,259.35 | 71.80% | 19,740,.65 |
| | **Jumlah** | **3,900,000.00** | **2,891,396.78** | **74.14%** | **1,008,603.22** |

# Analisis Prestasi Kewangan Lima Tahun (2014-2018)

Perbandingan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2014 sehingga 2018 adalah seperti di Rajah 8 dan 9. Prestasi perbelanjaan Pembangunan bagi pada tahun 2014 sehingga 2018 amat memberangsangkan, walau bagaimanapun ketara menurun bagi perbelanjaan mengurus dari Sumber Dalaman pada tahun 2018 berbanding pada tahun sebelumnya .

**RAJAH 8 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2014 sehingga 2018**




**RAJAH 9 : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan bagi Tahun 2014 sehingga 2018**



Perbandingan prestasi kewangan PERDA secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2014 hingga 2018 adalah seperti di Jadual 11.

**JADUAL 11 : Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA bagi Tahun 2014 sehingga 2018**

| | BUTIRAN KEWANGAN | TAHUN 2014 (RM) | TAHUN 2015 (RM) | TAHUN 2016 (RM) | TAHUN 2017 (RM) | TAHUN 2018 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| i | Pendapatan | 96,555,767 | 59,899,100 | 43,589,931 | 47,340,139 | 39,961,372 |
| ii | Perbelanjaan | 77,171,664 | 51,395,567 | 38,267,855 | 39,419,019 | 33,865,829 |
| iii | Lebihan/ (Kurangan) | 19,384,103 | 8,503,533 | 5,322,076 | 7,921,120 | 6,095,543 |
| iv | Lebihan/(Kurangan) Terkumpul | 208,705,613 | 216,412,428 | 220,440,196 | 230,556,168 | 244,747,345 |
| v | Aset Tetap | 318,006,638 | 328,312,747 | 350,799,926 | 365,763,933 | 384,611,340 |
| vi | Aset Semasa | 339,556,226 | 311,813,529 | 302,382,019 | 323,365,448 | **359,376,190** |
| vii | Tanggungan Semasa | 22,360,298 | 19,279,484 | 15,879,151 | 21,389,066 | **14,248,779** |
| Viii | Tanggungan Jangka Panjang | 22,341,483 | 32,996,928 | 37,231,428 | 35,283,555 | 464,999,259 |
| iX | Harta Bersih | 635,202,566 | 620,846,792 | 637,302,794 | 667,740,315 | 730,290,153 |
| | NISBAH CAIRAN | **15.19 : 1** | **16.17 : 1** | **19.04 : 1** | **15.12:1** | **25.22 : 1** |

Analisis kecairan semasa menunjukkan PERDA mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan semasa dengan kadar nisbah cairan pada 25.22 :1 bagi tahun 2018, pada kadar 15.12 :1 bagi tahun 2017, pada kadar 19.04 :1 pada tahun 2016 berbanding pada kadar 16.17 :1 pada tahun 2015, manakala pada tahun 2014 pada kadar 15.19 :1.



# LAPORAN PRESTASI PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

07

# i. PERDA -TECH

PERDA-TECH
INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA

## Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran

Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi Kerajaan (IPTK) yang berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (Kod Daftar : P/IPK/39/A[001] dan sebagai Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kod pendaftaran KO9007. Misi PERDA-TECH ialah menyediakan pendidikan kemahiran teknikal yang berkualiti menepati kehendak pasaran cemerlang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika.

Sejajar dengan objektif, PERDA-TECH telah menawarkan program kemahiran (TVET) sepenuh masa peringkat sijil dan juga diploma serta kursus-kursus kemahiran jangka pendek.  Sepanjang tahun 2018, PERDA-TECH telah menawarkan program pengajian kemahiran melibatkan 8 program peringkat sijil dan 6 program peringkat diploma seperti berikut;

| PROGRAM PERINGKAT SIJIL | KELAYAKAN | TEMPOH PENGAJIAN |
|---|---|---|
| Sijil Teknologi Automotif | JPK | 24 Bulan |
| Sijil Teknologi Elektrik | JPK | 24 Bulan |
| Sijil Teknologi Kimpalan | JPK | 24 Bulan |
| Sijil Kejuruteraan Pertanian | MQA | 24 Bulan |
| Sijil Senireka Fesyen | MQA | 24 Bulan |
| Sijil Rekabentuk Multimedia | MQA | 24 Bulan |
| Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan) | MQA | 24 Bulan |
| Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk) | MQA | 24 Bulan |

| PROGRAM PERINGKAT DIPLOMA | KELAYAKAN | TEMPOH PENGAJIAN |
|---|---|---|
| Diploma Kemahiran Malaysia (Kejuruteraan Kimpalan) | JPK | 15 Bulan |
| Diploma Kemahiran Malaysia (Automotif | JPK | 15 Bulan |
| Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Komputer) | JPK | 15 Bulan |
| Diploma Teknologi Kejuruteraan Rekabentuk Produk | MQA | 36 Bulan |
| Diploma Teknologi Kejuruteraan Pemesinan (CNC Jitu) | MQA | 36 Bulan |
| Diploma Produksi Kreatif (Filem & Animasi) | MQA | 36 Bulan |

Pada tahun 2018 ini juga PERDA-TECH masih meneruskan pelaksanaan Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) kepada pelajar-pelajar lepasan PMR dan PT3. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Fokus Group Pembangunan Modal Insan, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang ini melibatkan 3 program asas kemahiran iaitu kimpalan, automotif dan jahitan. Jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di PERDA-TECH sepanjang tahun 2018 mengikut bidang pengajian adalah seperti di Jadual 12 berikut :

**JADUAL 12 : Bilangan Pelajar di PERDA-TECH Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2018**

| BIL | BIDANG PENGAJIAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Sijil Teknologi Automotif | 118 |
| 2. | Sijil Teknologi Elektrik | 129 |
| 3. | Sijil Teknologi Kimpalan | 90 |
| 4. | Sijil Kejuruteraan Pertanian | 51 |
| 5. | Sijil Senireka Fesyen | 85 |
| 6. | Sijil Rekabentuk Multimedia | 69 |
| 7. | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan) | 48 |
| 8. | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk) | 29 |
| 9. | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Acuan) | 20 |
| 10. | Diploma Kemahiran Malaysia (Kejuruteraan Kimpalan) | 42 |
| 11. | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Automotif) | 46 |
| 12. | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Komputer) | 42 |
| 13. | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Maklumat) | 17 |
| 14. | Diploma Teknologi Kejuruteraan (Rekabentuk Produk) | 32 |
| 15. | Diploma Teknologi Kejuruteraan (Pemesinan CNC Jitu) | 29 |
| 16 | Diploma Produksi Kreatif (Filem & Animasi) | 41 |
| 17 | Program Khas SAKTI | 67 |

Dalam tahun 2018 ini juga, PERDA-TECH telah menyertai beberapa pertandingan inovasi di seluruh Malaysia sebagai usaha untuk mengetengahkan bakat, kebolehan dan kemampuan serta menggalakkan peningkatan kreativiti di kalangan pelajar dan tenaga pengajar di samping untuk mempromosikan PERDA-TECH sebagai institusi kemahiran yang berwibawa. Pertandingan inovasi yang disertai sepanjang tahun 2018 adalah seperti di bawah :

**I-COMPEX'18**
***(National Innovation & Invention Competition)***
***Through Exhibition (i-Compex'18)***
Anjuran
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
Projek *Portable Pesticide Container : Silver*
Projek *Salted Fish Dryer : Bronze*
Projek *Fruits Peeler : Bronze*



***NATIONAL INNOVATION COMPETITION 2018***

Pingat Perak & Gangsa

**PERTANDINGAN**
***KV SKILLS***
**ZON PULAU PINANG 2018**

Tempat Pertama & Ketiga

**PERTANDINGAN CABARAN INOVASI INKLUSIF 2018 ZON UTARA**

*MINI RIDGER SET IMPLEMENT FOR CULTIVATOR MACHINE*
Tempat Ketiga
kategori IPTA/S

***ASIA INNOVATION SHOW***

Projek – *Ridger Set Implement For Cultivator Machine – Gold*
Projek – *Electrical Installation Training Apparatus – Gold*



Seterusnya PERDA-TECH melalui *Unit Centre Of Advanced Skills* (CoAS) telah menganjurkan pelbagai program kursus jangka pendek kepada orang awam dan pekerja industri yang berminat untuk memajukan diri dalam kerjaya yang diceburi. Pada tahun 2018, CoAS PERDA-TECH telah menjalankan 24 kursus jangka pendek yang melibatkan penyertaan seramai 505 orang peserta. Antara kursus-kursus jangka pendek yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

- ***COMPUTER ASSEMBLY AND INSTALLATION***
- **MENGIMPAL KEDUDUKAN 6GR *SMAW PROCESS***
- **PENGENALAN *CLLISOPN REPAIR INDUSTRY***
- ***CISCO IT ESSENTIAL - INSTRUCTOR***
- **ASAS PENDAWAIAN ELEKTRIK**
- **PENDAWAI ELEKTRIK PW2**
- **KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN KIMPALAN (PELAJAR KV)**
- **KURSUS SMAW *PROCESS* 1G**
- **KURSUS *TECHNICAL DRAWING FOR WELDER***
- **KURSUS ASAS KIMPALAN LOGAM**
- **KURSUS ASAS PENANAMAN CENDAWAN *VOLVARIELLA VOLVACEA***
- **KURSUS AUTOCAD**
- **KURSUS ASAS PENYELENGGARAN DAN PENJAGAAN KENDERAAN**
- **KURSUS INDUKSI PERTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PP-PPD-PPB)**

Asas Pendawaian Elektrik




Pendawai Elektrik PW2



Kursus Pembuatan





Kursus Kimpalan



Kursus Autocad

Pada tahun 2018, pelaksanaan pelbagai aktiviti Program Pembangunan Insan (PPI) dan ko-kurikulum ini bertujuan untuk mengimbangi pengajian kemahiran dan akademik yang diikuti sepanjang tempoh pengajian, objektifnya untuk meningkatkan nilai-nilai murni setiap pelajar dengan pelbagai aktiviti sosial berteraskan jati diri, kerohanian, semangat kerjasama, kesukanan dan kemasyarakatan. Melalui PPI dan ko-kurikulum ini, diharapkan pelajar-pelajar lulusan PERDA-TECH terus diterima oleh industri dan masyarakat untuk berkhidmat kepada negara berdasarkan kepada kekuatan ilmu kemahiran yang diimbangi dengan ciri-ciri nilai murni yang diterapkan dalam tempoh pengajian mereka. Antara program /aktiviti yang telah dijalankan adalah:

01 KARNIVAL GENERASI MAHABBAH

02 KARNIVAL USAHAWAN

03 PROGRAM *SMART* SOLAT

04 SUKAN TAHUNAN PERDA-TECH

05 PROGRAM-PROGRAM *CSR* & BAKTI SISWA

06 PROGRAM *SMART* SOLAT

07 MINGGU KESENIAN ISLAM

- Pertandingan Tilawah Al-Quran
- Pertandingan Da'i
- Pertandingan Nasyid
- Ceramah Agama
- Persembahan Nasyid








Karnival Usahawan


Program-program CSR & Bakti Siswa



# ii. PEMBANGUNAN **HARTANAH**

Sepanjang tahun 2018, projek-projek pembangunan dilaksanakan dalam usaha memberikan impak pertumbuhan pembangunan hartanah dan kesan kepentingan terhadap penduduk di negeri Pulau Pinang. Selain itu, projek pembinaan dewan untuk masyarakat diteruskan bagi mewujudkan keharmonian penduduk di luar bandar.

## Projek Pembangunan Dalam Pembinaan

### Projek Pembangunan Bercampur Sungai Bakap, SPS (Fasa 1)

Kerja-kerja pembinaan bagi fasa 1 di atas PT Lot 270 Mukim 5, SPS sedang dilaksanakan dengan prestasi pelaksanaan kerja di tapak sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 93% setelah mengambil kira lanjutan masa yang diluluskan projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2019. Komponen pemajuan utama fasa 1 adalah 72 unit rumah kluster teres kos rendah, 112 unit rumah teres dua tingkat kos sederhana dan 5 unit kedai dua tingkat serta lain-lain kemudahan awam dan infrastruktur.




Rumah contoh serta hiasan dalamannya





Kerja-kerja *premix* jalan bagi Perumahan Sungai Bakap Fasa 1 sedang dijalankan

## Projek Pusat Konvensyen PERDA

Cadangan pembinaan Pusat Konvensyen PERDA di atas sebahagian Lot 15641, Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU telah ditender semula untuk kerja pembinaan selaras dengan peruntukan diterima. Tarikh mula pada 20 Mac 2017 dan dijangka siap pada pertengahan 2019 setelah mengambil kira perubahan kerja dan lanjutan masa. Kemajuan kerja sehingga 31 Disember 2018 adalah 87%. Justifikasi kelewatan adalah kerana kelewatan dalam memperoleh kelulusan pelan retikulasi air luaran dan pelan lampu jalan.



Antara kemudahan yang terdapat pada dewan ini adalah pentas, bilik VIP, tandas, surau, bilik persalinan, parkir dan sebagainya. Projek ini akan dapat menampung kapasiti 1,500 orang pengguna pada satu masa.





Pusat Konvensyen PERDA di Kubang Menerong, SPU dalam pembinaan.





Kerja -kerja pembinaan
sedang giat dilaksanakan



## Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang, DBD.

Cadangan pembinaan rumah kos rendah terdiri dari 46 unit rumah berkembar 1 tingkat jenis A dan 6 unit rumah berkembar 1 tingkat jenis B di atas lot 3076 ( Fasa 2A) mukim B, DBD. Tarikh milik tapak pada 28 Mac 2018 dan dijangka siap pada 26 Januari 2019.Kemajuan projek sehingga 31 Disember 2018 adalah 46% mendahului jadual sebanyak 6 %.

## Projek Infrastruktur Sistem Bekalan Elektrik Voltan Tinggi di PERDA-TECH

Cadangan sistem bekalan elektrik voltan tinggi (HT) 11kv dan lain-Lain kerja yang berkaitan di PERDA-TECH di atas sebahagian lot 1210 (PA 82136) Mukim 8, Bukit Panchor, SPS dengan kos RM4,523,589.90. Projek ini telah dimulakan pada 27 Mac 2018 dan dijangka siap pada 23 April 2019 dengan mengambil kira lanjutan masa yang telah diluluskan. Kelewatan adalah disebabkan kemasukan bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kemajuan projek sehingga 31 Disember 2018 adalah 98% mendahului jadual sebanyak 3%.



Bangunan Sistem Bekalan Elektrik Voltan Tinggi



**Transformer**
*Pre delivery inspection* di Korea

## Pemasaran Hartanah (Sewaan Premis PERDA)

PERDA memiliki premis untuk sewaan yang diuruskan bermula pada tahun 1990-an hingga sekarang berjumlah 369 unit iaitu gerai, kedai pejabat dan kilang IKS/bengkel. Di samping itu, PERDA juga menguruskan penyewaan tanah lot dan rumah desa rakyat berjumlah 57 unit. Premis-premis tersebut disewa kepada golongan sasar dengan kadar sewaan minimum.

**PREMIS SEWAAN**

| Premis Sewaan | Unit | KUTIPAN TAHUN 2018 |
|---|---|---|
| GERAI | 210 unit | RM388,815.65 |
| KEDAI PEJABAT | 93 unit | RM465,283.00 |
| KILANG IKS/ BENGKEL | 66 unit | RM332,885.00 |
| RUMAH DESA RAKYAT | 57 unit | RM55,290.00 |
| TANAH | 811.751 ekar | RM193,375.50 |
| | JUMLAH TERKUMPUL | RM1,435,649.15 |







Premis-premis sewaan PERDA

# iii. PEMBANGUNAN **EKONOMI**

## Program Promosi Luar Negara

PERDA telah menerima jemputan untuk menyertai program *Cambodian International Food & Drinks Industry Show* 2018 (CAMFOOD 2018) daripada AMB *Tarsus Exhibitions* Sdn. Bhd. pada 1 Ogos 2018. Oleh itu, PERDA telah membawa 5 buah syarikat usahawan Bumiputera untuk menyertai program ini iaitu Pak Ali Food Industries Sdn. Bhd., Aynuf Sdn. Bhd., Bertambest Sdn. Bhd., Haliza *Industries* Sdn. Bhd. dan D'Syzian Enterprise.

Kriteria utama pemilihan syarikat adalah melibatkan beberapa perkara iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mempunyai Sijil Halal (Sijil MeSTI, GMP & HACCP adalah suatu kelebihan kepada usahawan), mempunyai premis/kilang, mempunyai pembungkusan *(packaging)* yang lengkap dengan *barcode*, dan dwi bahasa (salah satunya ialah Bahasa Inggeris), mampu membuat pengeluaran melebihi kapasiti semasa dan bukan produk makanan sejuk beku (bagi memudahkan urusan penyimpanan stok dan logistik ke luar negara).

Program promosi luar negara sering kali akan melibatkan tiga aktiviti utama iaitu :

- **Suaian perniagaan antara negara-negara yang menyertai program**




- ***Business conference* /seminar kepada syarikat yang berminat**




- **Jualan terbuka kepada umum pada hari terakhir**




Penyertaan promosi di luar negara adalah bertujuan :

- Supaya segala aktiviti perniagaan yang dijalankan di dalam program *Camfood'*18 dapat membantu Usahawan-usahawan Bumiputera Pulau Pinang mempromosikan produk mereka ke peringkat antarabangsa khususnya di negara-negara Asia Tenggara.

- Selain itu, peluang ini juga dapat membuka peluang kepada usahawan mencari ejen atau tapak pasaran baru di luar negara dan secara tidak langsung dapat membantu usahawan menambahkan hasil jualan syarikat sepanjang tempoh program berjalan.

- Program ini memberi ruang kepada mereka untuk menimba pengalaman dan berkongsi pengetahuan dengan cara bertukar-tukar maklumat dan pendekatan yang digunakan dalam usaha meningkatkan mutu perniagaan dan menarik perhatian golongan sasar.

Pada bulan November 2018, Syarikat Haliza Industries Sdn. Bhd. dan Betambest Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan hasil daripada sesi Suaian Perniagaan sepanjang *Camfood & Camhotel* 2018. Berikut adalah tempahan yang telah diterima dan nilai jualan yang terlibat :

| NAMA SYARIKAT TEMPATAN | SYARIKAT PEMBELI LUAR NEGARA | JENIS PRODUK | KUANTITI TEMPAHAN | NILAI TEMPAHAN |
|---|---|---|---|---|
| • **Haliza Industries Sdn. Bhd. (HISB)** | • Thai Phnom Penh Beverage Co. Ltd. (Cambodia) | • Bingo Bite | • 44,070 bungkus Bingo Bite (60gm)/bulan (Saiz kontena: 40 kaki) | • RM45,000/bulan |
| • **Bertambest Sdn. Bhd.** | • Radha Export PTE Limited (Singapore) | • *White coffee* (perisa *original*, *hazel nut* & durian) | • 40,000 beg/minggu (setiap perisa) (Saiz kontena: 40 kaki) | • RM100,000/minggu |

PERDA mendapati impak positif yang terhasil daripada penyertaan Syarikat Usahawan Bumiputera Negeri Pulau Pinang di mana wujudnya jaringan perniagaan antara usahawan bimbingan PERDA dengan syarikat pemasar/ejen dari luar negara. Selain itu, timbul semangat ingin bersaing di kalangan pengusaha syarikat yang menyertai program ini untuk meningkatkan daya maju dan persembahan produk syarikat supaya dapat diterima di pasaran antarabangsa.



**Aktiviti Program Promosi Luar Negara Tahun 2018**






# Program Pembangunan Usahawan Mikro

Program pembangunan usahawan mikro yang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi PERDA menekankan pembangunan usahawan dari segala aspek terma keusahawanan. Antara subprogram yang terdapat di bawah program pembangunan usahawan mikro ini adalah seperti Geran Pembangunan Ekonomi PERDA (GPEP) yang merangkumi geran mesin & peralatan dan geran naik taraf premis. Di bawah geran yang dikenali sebagai GPEP ini, penerima layak menerima geran mesin dan peralatan sehingga RM15,000. Di samping pemberian geran kepada para usahawan, Bahagian Pembangunan Ekonomi juga sentiasa mengadakan kursus-kursus keusahawanan yang merangkumi pelbagai modul yang bersesuaian dengan keperluan dan permintaan semasa usahawan Pulau Pinang. Dalam usaha memantapkan aktiviti pemasaran produk usahawan, PERDA turut membawa para usahawan ke ekspo-ekspo keusahawanan peringkat dalam negara. Rajah 10 di bawah menunjukkan pecahan perbelanjaan aktiviti program Pembangunan Usahawan Mikro tahun 2018.

**RAJAH 10 : Pecahan Perbelanjaaan Aktiviti Program Pembangunan Usahawan Mikro Tahun 2018**



## Pecahan Aktiviti/Program Usahawan Mikro Tahun 2018
## (Bilangan Syarikat Yang Mendapat Manfaat)

### MESIN & PERALATAN



BILANGAN SYARIKAT

- Mesin dan Peralatan berdasarkan keperluan Syarikat.

**36** Syarikat

### KURSUS/SEMINAR USAHAWAN



BILANGAN SYARIKAT

- Kursus Pembangunan Reka bentuk Pembungkusan Produk Usahawan
- Kursus Strategi Pemasaran Produk Usahawan
- Kursus Memacu Usahawan ke Arah Pensijilan Mesti dan Halal
- Kursus Strategi Mampan Pemasaran Perniagaan
- Kursus Komunikasi Berkesan Dalam Perniagaan
- Kursus Pengiklanan Produk Usahawan@ Media Sosial

**217** Syarikat

# Program Promosi Dan Pemasaran Dalam Negara

Peningkatan nilai jualan tahunan, nilai kontrak dan tempahan menjadi elemen utama di dalam memastikan kekukuhan sesebuah syarikat. Usaha ini dilaksanakan menerusi program promosi dan pemasaran produk usahawan keseluruh negara. Pada tahun 2018, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang telah menyertai empat aktiviti promosi dalam negara dengan penglibatan 32 syarikat ke ekspo-ekspo yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan. Penglibatan dalam aktiviti promosi ini telah membolehkan syarikat mencari agen-agen jualan dan rangkaian kedai-kedai lain untuk memasarkan produk mereka yang secara tidak langsung dapat mengetengahkan produk keluaran negeri ini ke negeri-negeri lain.

### Pecahan Aktiviti/Program Promosi Dalam Negara Tahun 2018 (Bilangan Syarikat Yang Mendapat Manfaat)

**PROMOSI DALAM NEGARA**



**BILANGAN SYARIKAT**

- **Seberang Perai Feista (SPF 2018)**
  26- 30 Sept. 2018, (7 syarikat), Tapak Ekspo Seberang Jaya
- **Ekspo Inovasi dan Teknologi Keusahawanan Desa (INOTEKDESA 2018)**
  15 -18 Nov. 2018, (10 syarikat ), MITC Ayer Keroh Melaka
- **Malaysia *Agriculture*, *Horticulture* & *Agrotourism Show* (MAHA 2018)**
  22 Nov.- 2 Dis. 2018, (8 syarikat), Maeps, Serdang, Selangor
- **Pesta Pulau Pinang**
  29, 30 Nov. & 1 Dis. 2018 (7 syarikat), Tapak Pesta Sg. Nibong, Pulau Pinang

**32 Syarikat**

## Aktiviti-Aktiviti Program Promosi Dalam Negara Tahun 2018











## Program Peningkatan Pelancongan Bumiputera

Terdapat 11 kawasan di Pulau Pinang yang telah didaftarkan di bawah program *Homestay* Pulau Pinang di bawah pemantauan dan penyelarasan oleh pihak Kementerian Pelancongan Malaysia. *Homestay-homestay* tersebut adalah seperti berikut :

- Homestay Sungai Setar
- Homestay Sungai Chenaam
- Homestay Sungai Duri
- Homestay Pulau Aman
- Homestay Mengkuang Titi
- Homestay Kota Aur
- Homestay Lahar Yooi
- Homestay Sungai Semilang
- Homestay Telok Bahang
- Homestay Jalan Bharu
- Homestay Pulau Betong




Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), melalui Seksyen Pembangunan Pelancongan, turut sama memberikan khidmat bantuan dengan melaksanakan beberapa program berbentuk bengkel, kursus dan program lawatan pengukuhan dan penambahan bahan promosi serta penyertaan dalam program bagi memperkasa program *Homestay* Pulau Pinang.

## i. Program Pemantapan dan Pengukuhan *Homestay* Pulau Pinang

Antara inisiatif yang telah diambil termasuklah menambahkan pengalaman dan pengetahuan para penggiat industri *homestay* di Pulau Pinang dengan menganjurkan siri lawatan pemantapan dan pengukuhan *homestay* di Selangor (Homestay Dorani), dan Johor (Homestay Parit Bugis). Seramai 40 peserta yang diwakili oleh kesemua *Homestay* Pulau Pinang (11 *homestay*) telah menyertai program pengukuhan ini yang berjalan selama 3 hari 2 malam. Rombongan juga disertai oleh pegawai Taman Negara Pulau Pinang yang juga banyak membantu mempromosi *Homestay* Pulau Pinang kepada golongan sasar.

### Homestay Dorani, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan

Pada tahun ini para peserta dibawa melawat ke Homestay Dorani, Selangor dan diberikan penerangan mengenai potensi, perkembangan dan perancangan masa hadapan industri Homestay Dorani, Selangor. Selain itu, para peserta juga dibawa melawat beberapa buah rumah *homestay* terbaik di kawasan berkenaan untuk melihat dan mendapatkan idea memperindahkan kawasan *homestay* masing-masing.



Para peserta program dibawa melawat perusahaan industri IKS di Homestay Parit Bugis, Johor.

### Homestay Parit Bugis, Muar, Johor

Para peserta program disambut dengan penuh upacara kebudayaan setibanya di Homestay Parit Bugis oleh urusetia dan wakil-wakil pemimpin tempatan. Para peserta diberi penerangan mengenai keunikan *homestay* tersebut yang mengundang pelancong datang ke kawasan tersebut dan dibawa melawat pelbagai jenis industri IKS, antaranya pembuatan kuih tradisional, kemahiran ukiran kayu, mencuba permainan tradisional dan melawat sekitar kawasan-kawasan penanaman kelapa sawit di *homestay* berkenaan.



Berpeluang mencuba permainan tradisional di Homestay Parit Bugis, Johor.

Dengan lawatan-lawatan sebegini, ia diharapkan dapat membantu menambahkan idea operator-operator *homestay* Pulau Pinang untuk memperkasa dan menambahkan pendapatan mereka melalui lawatan yang diadakan pada setiap tahun ini.

## ii. Program Pembangunan Sauna Herba dan Urutan Tradisional *Homestay* Pulau Pinang

Pada tahun 2018, projek pembangunan sauna herba *Homestay* Pulau Pinang telah siap sepenuhnya dan telah beroperasi membabitkan empat kawasan *homestay* iaitu seperti berikut :

- **Homestay Sungai Setar, SPS** - (Diuruskan oleh Koperasi Pembangunan Sg. Setar Nibong Tebal Bhd.)
- **Homestay Sungai Chenaam, SPS** - (Diuruskan oleh Koperasi *Homestay* Sg. Chenaam Nibong Tebal Bhd.)
- **Homestay Sungai Duri, SPS** - (Diuruskan oleh Koperasi Pembangunan Kg. Tradisional Sg. Duri)
- **Homestay Mengkuang Titi, SPT** - (Diuruskan oleh Koperasi GDW Mengkuang Bhd.)



Para peserta mendengar taklimat yang diberikan oleh Naib Presiden AMSPA

PERDA melalui Bahagian Pembangunan Ekonomi telah mengambil inisiatif menganjurkan 2 siri kursus pengurusan dan urutan sauna herba yang telah diberikan oleh perunding yang amat berpengalaman dalam industri berkenaan, iaitu Nurulhana Abdul Halim, merangkap Naib Presiden AMSPA *(Association of Malaysian Spa)*, yang dihadiri oleh tiga wakil dari setiap *homestay.*

Kursus Pengurusan Sauna Herba telah diadakan pada penghujung Januari 2018, demi memberikan kelainan dan pengalaman berguna kepada para peserta program merasai sendiri suasana dan kaedah pengurusan spa yang betul. Kursus Urutan Sauna Herba pada 28 hingga 30 Ogos 2018, diadakan untuk memberikan maklumat lebih mendalam mengenai kaedah pengurutan badan yang betul melalui demonstrasi oleh perunding dan para peserta juga diberikan peluang mempraktiskan sendiri ilmu urutan berkenaan.

### iii. Penglibatan Dalam Program Promosi *MATTA Fair* 2018

Pada tahun 2018, Bahagian Pembangunan Ekonomi telah menyertai 4 siri program *MATTA Fair*, iaitu program promosi pelancongan terbesar di negara ini. Program ini merupakan platform terbaik memperkenalkan *Homestay* Pulau Pinang kepada golongan sasar sama ada dari dalam mahupun luar negara. Empat program *MATTA Fair* tersebut adalah seperti berikut :




Melalui keempat-empat program yang disertai ini, jangkaan pengunjung yang akan mengunjungi *homestay* Pulau Pinang pada masa akan datang akan terus meningkat berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Untuk makluman, pada tahun 2018, jumlah pendapatan *Homestay* Pulau Pinang sehingga bulan November 2018 melebihi RM400,000 melibatkan 11 kawasan *homestay* di seluruh negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Bahagian Pembangunan Ekonomi telah membelanjakan sebanyak RM10,000 bagi tujuan percetakan poster-poster *homestay* seluruh negeri Pulau Pinang yang telah dipamerkan di *booth* program promosi homestay bagi menambahkan daya tarikan pengunjung sekaligus membantu menambahkan potensi pembelian pakej-pakej pelancongan *Homestay* Pulau Pinang.




Aktiviti-aktiviti
*MATTA FAIR* 2018







## iv. Pembangunan Modal Insan

### MUTIARA PROGRAM DIDIK CEMERLANG AKADEMIK (MPDCA)

Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) adalah sebuah program yang berfokuskan agenda peningkatan akademik di kalangan pelajar-pelajar bumiputera khususnya di kawasan luar bandar di negeri Pulau Pinang. Inisiatif program ini telah dilaksanakan melalui kolaborasi strategik antara Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).



Program *Straight A's* UPSR

Peruntukan yang diterima PERDA melalui Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang bagi pelaksanaan Mutiara PDCA tahun 2018 adalah berjumlah RM2.2juta. Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang telah dimanfaatkan oleh semua agensi adalah berjumlah RM 7.4juta yang merangkumi peruntukan daripada tiga (3) agensi iaitu PERDA (RM2.2juta), BPPB (RM3.7 juta) dan ZPP (RM1.5juta) bagi merealisasikan agenda memartabatkan bangsa melalui pendidikan.



Sipi Cemerlang UPSR

Pelaksanaan program dan aktiviti MPDCA oleh PERDA bagi tahun 2018 adalah berjumlah 28 siri yang merangkumi program pelajar dan guru antaranya, Program Tuisyen Cemerlang UPSR, Program Tuisyen Intensif SPM, Program *Straight A's* UPSR bagi 3 subjek iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains, Program StraTG A SPM bagi 7 subjek iaitu Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan dan juga program pecutan bagi membantu pelajar sederhana dan lemah iaitu Sipi Cemerlang UPSR & SPM.




Majlis Apresiasi MPDCA 2018


58

Seramai 6,100 orang pelajar dari 71 buah sekolah telah mengikuti dan memperolehi manfaat menerusi penganjuran program-program ini. Program peningkatan prestasi akademik yang telah dirancang dan dilaksanakan ini adalah disasarkan kepada pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, dan SPM bagi tahun 2018. Butiran lengkap program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual 13 berikut:-

**JADUAL 13 : Aktiviti-aktiviti Program MPDCA Tahun 2018**

| BIL. | NAMA PROGRAM | BIL. PELAJAR & GURU TERLIBAT |
|---|---|---|
| 1. | Tuisyen Cemerlang UPSR | 3,642 |
| 2. | Tuisyen Intensif SPM | 1,378 |
| 3. | Taklimat Guru Penyelaras | 71 |
| 4. | Majlis Pelancaran MPDCA 2018 Dan Anugerah Kecemerlangan MPDCA 2017 | 500 |
| 5. | Bengkel Bina Bahan Program Seminar MPDCA 2018 | 89 |
| 6. | Seminar My Job My Ibadah | 500 |
| 7. | *Straight A's* UPSR - English (2 Siri) | 306 |
| 8. | *Straight A's* UPSR - Matematik (2 Siri) | 305 |
| 9. | *Straight A's* UPSR - Sains (2 Siri) | 308 |
| 10. | StraTG A SPM - Matematik (2 Siri) | 300 |
| 11. | StraTG A SPM - Sains (2 Siri) | 300 |
| 12. | StraTG A SPM - Bahasa Inggeris (2 Siri) | 192 |
| 13. | StraTG A SPM - Fizik, Kimia, Biologi & Matematik Tambahan (4 Siri) | 466 |
| 14. | Sipi Cemerlang UPSR | 142 |
| 15. | Bengkel Kena Cara A+ Kimia | 124 |
| 16. | Sipi Cemerlang SPM | 142 |
| 17. | Bengkel Bina Modul Tuisyen SPM MPDCA 2019 | 78 |
| 18. | Bengkel Bina Modul Tuisyen UPSR MPDCA 2019 | 74 |
| 19. | Majlis Apresiasi MPDCA 2018 | 500 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **9,417** |

Penekanan kepada subjek-subjek Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris bertujuan mengatasi kelemahan ketara pelajar-pelajar bumiputera terhadap subjek-subjek tersebut. Para pelajar telah diajar dan didedahkan dengan teknik menjawab soalan peperiksaan yang betul oleh jurulatih-jurulatih utama yang berkaliber yang telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. *Outcome* bagi pelaksanaan program Mutiara PDCA ini telah membuahkan faedah dan impak yang baik kepada pelajar-pelajar bumiputera luar bandar negeri Pulau Pinang berdasarkan analisis pencapaian pelajar melalui keputusan peperiksaan UPSR dan SPM bagi tahun 2017 seperti di Jadual 14 hingga 19;

**JADUAL 14 : Peperiksaan UPSR 2017 bagi Sekolah Tajaan PERDA**

| BIL. | PERKARA | BILANGAN | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Bilangan pelajar PDCA | 3,569 | 100.00% |
| 2. | Jumlah pelajar 6A | 97 | 2.72% |
| 3. | Jumlah pelajar mencapai tahap minimum D/Lulus semua subjek | 2,408 | 67.47% |
| 4. | Jumlah pelajar tidak mencapai tahap penguasaan minimum (sekurang-kurangnya 1E) | 1,161 | 32.53% |
| 5. | Jumlah pelajar tidak mencapai tahap penguasaan minimum (6E) | 46 | 1.29% |

**JADUAL 15 : Peperiksaan UPSR 2017 bagi Sekolah Kebangsaan Tajaan PERDA Mengikut Subjek**

| SUBJEK/KEPUTUSAN | BILANGAN PELAJAR PDCA | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | D | E | TH | |
| BM (Pemahaman) | 1,120 | 1,106 | 854 | 399 | 75 | 15 | 3,569 |
| BM (Penulisan) | 1,158 | 1,066 | 772 | 429 | 129 | 15 | 3,569 |
| Bahasa Inggeris (Pemahaman) | 399 | 630 | 818 | 1,136 | 574 | 12 | 3,569 |
| Bahasa Inggeris (Penulisan) | 413 | 239 | 706 | 1,228 | 971 | 12 | 3,569 |
| Matematik | 373 | 591 | 706 | 1,137 | 750 | 12 | 3,569 |
| Sains | 326 | 988 | 1,379 | 720 | 144 | 12 | 3,569 |

**JADUAL 16 : Peperiksaan UPSR Perbandingan Keseluruhan Pencapaian UPSR Tahun 2016 & 2017 bagi Sekolah Kebangsaan Tajaan PERDA**

| BIL. | PERKARA | UPSR 2016 | UPSR 2017 |
|---|---|---|---|
| 1. | Bilangan pelajar PDCA | 3,737 | 3,569 |
| 2. | Jumlah pelajar 6A | 39 (1.04%) | 97 (2.72%) |
| 3. | Jumlah pelajar mencapai tahap minimum D/Lulus Semua Subjek | 2,446 (65.45%) | 2,408 (67.47%) |
| 4. | Jumlah pelajar tidak mencapai tahap penguasaan minimum (sekurang-kurangnya 1E) | 1,291 (34.55%) | 1,161 (32.53%) |
| 5. | Jumlah pelajar tidak mencapai tahap penguasaan minimum (6E) | 202 (5.41%) | 46 (1.29%) |
| 6. | Gred Purata Sekolah (GPS) | 3.059 | (GPS tidak difokuskan pada UPSR 2017) |

**JADUAL 17 : Perbandingan Pencapaian UPSR Tahun 2016 dan 2017 Mengikut Subjek bagi Sekolah Kebangsaan Tajaan PERDA**

| BIL. | SUBJEK | UPSR 2016 | | | UPSR 2017 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | A | LULUS (Sekurang-kurangnya D) | GAGAL (E) | A | LULUS (Sekurang-kurangnya D) | GAGAL (E) |
| 1. | BM Pemahaman | 976 | 2,579 | 182 | 1,120 | 2,374 | 75 |
| 2. | BM Penulisan | 923 | 2,657 | 157 | 1,158 | 2,282 | 129 |
| 3. | BI Pemahaman | 291 | 2,629 | 817 | 399 | 2,596 | 574 |
| 4. | BI Penulisan | 195 | 2,672 | 870 | 413 | 2,185 | 971 |
| 5. | Matematik | 349 | 2,448 | 940 | 373 | 2,446 | 750 |
| 6. | Sains | 167 | 3,386 | 184 | 326 | 3,099 | 144 |

**JADUAL 18 : Pencapaian Pelajar SPM Tahun 2017 Jenis Aliran Sastera & Aliran Sains bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tajaan PERDA**

| ALIRAN SASTERA | BILANGAN PELAJAR | % |
|---|---|---|
| Pelajar PDCA | 1,136 | 100% |
| Pencapaian Semua 3A (Matematik, Sains & Bahasa Inggeris) | 19 | 1.67% |
| Pencapaian tahap minimum D/Lulus semua subjek | 941 | 82.83% |

| ALIRAN SAINS | BILANGAN PELAJAR | % |
|---|---|---|
| Pelajar PDCA | 459 | 100% |
| Pencapaian Semua 3A (Fizik, Kimia, Biologi & *Add Math*) | 6 | 1.31% |
| Pencapaian tahap minimum D/Lulus semua subjek | 362 | 78.87% |

**JADUAL 19 : Pencapaian SPM Tahun 2017 Jenis Aliran Sastera Mengikut Subjek bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tajaan PERDA**

| SUBJEK/ KEPUTUSAN | BILANGAN PELAJAR PDCA | | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 0A+ | 1A | 2A- | 3B | 4B | 5C | 6C | 7D | 8E | 9F | |
| Matematik | 6 | 74 | 67 | 99 | 123 | 137 | 151 | 211 | 153 | 113 | 1,134 |
| Sains | 36 | 244 | 147 | 138 | 149 | 138 | 128 | 101 | 44 | 7 | 1,132 |
| Bahasa Inggeris | 2 | 12 | 30 | 56 | 78 | 107 | 111 | 363 | 230 | 145 | 1,134 |
| Fizik | 7 | - | 31 | 58 | 77 | 82 | 94 | 93 | 16 | 1 | 459 |
| Kimia | 3 | 6 | 26 | 38 | 55 | 54 | 68 | 126 | 75 | 8 | 459 |
| Biologi | 0 | 8 | 20 | 25 | 53 | 81 | 103 | 83 | 28 | 2 | 403 |
| Matematik Tambahan | 1 | 7 | 9 | 20 | 33 | 37 | 71 | 85 | 99 | 96 | 458 |

## PROGRAM PEMERKASAAN BELIA

Zaman globalisasi dan anjakan paradigma dalam menghadapi cabaran dunia globalisasi hari ini memberi kesan besar terhadap pembangunan masyarakat khususnya golongan belia. Belia tidak lagi dilabel sebagai golongan pelapis pemimpin tetapi mereka sudah menjadi pencetus perubahan kepimpinan negara.

Aspirasi belia pada masa ini perlu mengambil kira usaha mengekalkan perpaduan dan keamanan yang dikecapi negara pada masa kini kerana elemen tersebut merupakan tunjang kepada pembangunan mampan sesebuah negara.

Pembangunan belia ke arah gaya hidup positif dapat ditakrifkan sebagai satu proses untuk menyediakan golongan muda dan remaja menghadapi cabaran keremajaan dan kedewasaan melalui aktiviti yang diselaraskan kerajaan bagi mencapai satu tahap keupayaan sosial, moral, emosi, fizikal dan mental yang seimbang. Memperkasa generasi belia negara memerlukan sokongan semua pihak ke arah membabitkan diri dalam aktiviti positif yang dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaaan kepimpinan, gaya hidup, mencungkil bakat, potensi diri dan kebolehan yang ada pada seseorang belia atau remaja.




Peserta Program Pemerkasaan Belia didedahkan kepada keupayaan mencungkil potensi diri.



Program Pemerkasaan Belia anjuran PERDA bertujuan untuk membina personaliti belia yang berkarisma, mantap dari kepimpinan dan komunikasi berkesan serta mempunyai jati diri yang kukuh. Program ini telah dilaksanakan dengan peruntukan disalurkan dari Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 10 siri dengan kos pelaksanaan sebanyak RM230,000.00 yang telah memberi manfaat kepada 1,620 orang peserta.





Antara Aktiviti-Aktiviti Program Pemerkasaan Belia Tahun 2018

## PROGRAM PENINGKATAN EKONOMI BELIA DAN WANITA

Program Kesejahteraan Rakyat sentiasa menjadi fokus utama kerajaan dan satu Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat ditubuhkan bagi memantau pengagihan bantuan kepada golongan sasar. PERDA yang merupakan agensi pelaksana persekutuan di Pulau Pinang bergerak secara holistik bersama agensi-agensi persekutuan yang lain merangka dan melaksanakan berbagai program/projek yang boleh membantu golongan sasar meningkatkan pendapatan dan seterusnya keluar dari belenggu kemiskinan.

Program yang dirancang menyasarkan kepada mereka dari kategori miskin tegar dan miskin dalam senarai e-kasih, ibu tunggal yang ramai tanggungan, keluarga yang ramai tanggungan yang berpendapatan rendah. Selain itu program yang dirancangkan juga akan memberi tumpuan kepada golongan B40 (kumpulan berpendapatan 40% terendah) dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan daya saing kumpulan ini.



Program Modal Insan - Mutiara Kasih



Program/aktiviti  yang telah dilaksanakan sepanjang 2018 adalah kursus jangka pendek dan kursus jangka panjang melibatkan kos sebanyak RM50,259.35 memberi manfaat kepada 445 orang manakala program Mutiara kasih melibatkan kos sebanyak RM146,751.49 telah memberikan manfaat kepada 374 orang dari kalangan pelajar serta waris.

## Pecahan Aktiviti serta Bilangan yang Menerima Manfaat

**Kursus Jangka Pendek (*Hardskill*)**




415 orang PESERTA

**Kursus Jangka Pendek (*Softskill*)**



30 orang PESERTA

**Program Modal Insan- Keibubapaan (Mutiara Kasih)**



374 orang (PELAJAR & WARIS)

## Kursus Jangka Pendek *(Softskill)*





## Kursus Jangka Pendek *(Hardskill)*







PERDAVENTURES INCORPORATED SDN BHD (348805-T)
(SYARIKAT MILIK PENUH LEMBAGA KEMAJUAN PULAU PINANG)

# LAPORAN ANAK SYARIKAT




LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

# 08

# LAPORAN **ANAK SYARIKAT**

## PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB)

PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) adalah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang ditubuhkan pada tahun 2007. Tujuan utama penubuhan PVISB adalah sebagai jentera pelaksana *'implementing arm'* kepada PERDA dalam pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai komersial. PVISB telah melaksanakan beberapa projek pembangunan hartanah secara usahasama dengan syarikat-syarikat yang berpotensi, selain turut menjalankan perniagaan dalam bidang pemasaran, projek pertanian berskala besar, perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan serta dipertanggungjawabkan menguruskan Pusat Perniagaan Midtown PERDA. Operasi PVISB pada masa ini terbahagi kepada lima aktiviti utama iaitu:




Sepanjang tahun 2018, sejumlah RM580 juta nilai pelaburan telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai. Maklumat keuntungan/kerugian PVISB tahun 2018 secara ringkas adalah seperti berikut :

| | TAHUN 2018 | TAHUN 2017 |
|---|---|---|
| **Keuntungan sebelum cukai** | RM 707,086 | RM 708,606 |
| **Keuntungan selepas cukai** | RM 413,022 | RM 486,985 |
| **Keuntungan Terkumpul** | **RM 2,871,762** | **RM 2,583,740** |

Sepanjang tahun 2018, sejumlah RM610 juta nilai pelaburan telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai.

## PEMBANGUNAN HARTANAH - Projek Usahasama & Pelaburan Hartanah

PVISB telah terlibat dalam pelaksanaan beberapa projek pembangunan perumahan, perindustrian serta turut terlibat dalam pembangunan hotel. Ringkasan projek-projek yang dibangunkan oleh PVISB adalah seperti berikut:

### PROJEK SIAP

| | UNIT |
|---|---|
| Rumah Kos Sederhana Kubang Menerong, SPU | 399 |
| Rumah Kos Rendah Ara Kuda, SPU | 172 |
| Rumah Kos Sederhana Ara Kuda, SPU | 234 |
| Kedai/Pejabat Ara Kuda, SPU | 34 |
| **Jumlah** | **839** |

### DALAM PELAKSANAAN

| | UNIT |
|---|---|
| Rumah Kos Rendah Kubang Menerong, SPU | 203 |
| Rumah Kos Rendah Telok Bahang, SPU | 100 |
| Rumah Kos Rendah Ara Kuda, SPU | 264 |
| Rumah Kos Sederhana Rendah Kubang Menerong, SPU | 200 |
| Rumah Kos Sederhana Kubang Menerong, SPU | 507 |
| Rumah Berkembar/Sesebuah / Rumah kedai Ara Kuda, SPU | 708 |
| Rumah Berkembar/Sesebuah Kubang Menerong, SPU | 34 |
| Kondominium Teluk Bahang,DBD | 213 |
| Hotel di Teluk Bahang, DBD | 1 |
| Pusat *Street Mall*, Kubang Menerong, SPU | 1 |
| **Jumlah** | **2,231** |

### MENUNGGU KELULUSAN PBT

| | UNIT |
|---|---|
| Rumah Teres/Berkembar Ara Kuda, SPU | 2,711 |
| Kedai/Pejabat Ara Kuda, SPU | 2,600 |
| Rumah Rendah/Kos Sederhana Teluk Kumbar, DBD | 2,007 |
| Kedai/Pejabat Pongsu Seribu, SPU | 299 |
| Rumah Kos Rendah/Sederhana Kubang Menerong, SPU | 3,420 |
| Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Tasek Gelugor, SPU | 169 |
| Kedai/Pejabat Tasek Gelugor, SPU | 311 |
| Kedai/Pejabat Kubang Menerong, SPU | 200 |
| Rumah Mampu Milik Pongsu Seribu, SPU | 26 |
| Pusat *Street Mall*, Teluk Air Tawar, SPU | 1 |
| **Jumlah** | **11,744** |

### DALAM PERANCANGAN

| | UNIT |
|---|---|
| Rumah Kos Rendah Sungai Dua, SPU | 102 |
| Kedai/Pejabat Sungai Dua, SPU | 38 |
| **Jumlah** | **140** |

Pada tahun 2018, PVISB telah melaksanakan 3 projek pembangunan seperti berikut:

## i. Taman PERDA Indah (Fasa 2B), SPU

Pembangunan bercampur di atas Lot PT 711, Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Tasek Gelugor, SPU, Pulau Pinang sebanyak 928 unit. Komponen pembangunan adalah seperti berikut:

- Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat - 203 unit
- Rumah Teres 1 Tingkat Kos Sederhana Rendah - 200 unit
- Rumah Teres 1 Tingkat 507 unit
- Rumah Sesebuah 2 Tingkat 6 unit
- Rumah Berkembar 2 Tingkat 12 unit

Prestasi pembangunan projek adalah seperti di Rajah 11

**RAJAH 11 : Prestasi Pembangunan Taman PERDA Indah (Fasa 2B), SPU Sehingga 31 Disember 2018**






Projek Pembangunan Taman PERDA Indah (Fasa 2 B) dalam pelaksanaan



## ii. Taman Desa Ara Permai, SPU

Pembangunan di atas Sebahagian Lot 1762 dan Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Tok Alang, SPU, Pulau Pinang fasa 1 & 2 berjumlah 708 unit. Komponen pembangunan adalah seperti berikut:

- Teres 1 Tingkat (Jenis A)-155 unit
- Teres 1 Tingkat (Jenis B)- 127 unit
- Berkembar 1 Tingkat (Jenis A)- 72 unit
- Berkembar 1 Tingkat (Jenis B)- 76 unit
- Banglo 1 Tingkat- 1 unit
- Kedai Pejabat 2 Tingkat Fasa 2 - 56 unit
- Teres 1 Tingkat (Jenis C& E) Fasa 2 - 100 unit
- Teres 1 Tingkat (Jenis D) Fasa 2 - 121 unit



Projek Pembangunan Taman Desa Ara Permai dalam pelaksanaan



Prestasi pembangunan projek adalah seperti di Rajah 12

**RAJAH 12 : Prestasi Pembangunan Taman Desa Permai, SPU Sehingga 31 Disember 2018**



### iii. Pembangunan Hotel di Teluk Bahang, DBD, Pulau Pinang

PVISB dan rakan usahasama yang dilantik sedang giat melaksanakan 1 projek pembangunan hotel di Teluk Bahang di atas Lot PT 105 (Lot Lama 15), Mukim 2, DBD. Komponen pembangunan projek berkenaan adalah seperti :

- 1 blok hotel 13 tingkat (160 bilik)
- Pangsapuri kos rendah 10 tingkat (100 unit)
- Kondominium - 213 unit

Prestasi pembangunan projek Hotel dan Pangsapuri Kos Rendah di Telok Bahang, DBD adalah seperti di Rajah 13 manakala projek kondominium 213 unit belum bermula lagi.

**RAJAH 13 : Prestasi Pembangunan Hotel dan Pangsapuri Kos Rendah Telok Bahang, DBD sehingga 31 Disember 2018**






Projek Pembangunan Hotel Telok Bahang



Projek Pembangunan pangsapuri kos rendah



Projek Pembangunan Hotel



Kemasan dalam hotel dalam pelaksanaan.

### iv. Program *'Rent To Own'* (RTO) Taman Desa Ara

Program RTO adalah kaedah sewaan rumah kepada yang layak dengan opsyen membeli selepas tempoh penyewaan minima 10 tahun. Konsep RTO yang laksanakan oleh PVISB adalah untuk penduduk Pulau Pinang yang berkelayakan dan program dilaksanakan khusus bagi rumah kos rendah sahaja. PVISB sedang melaksanakan program RTO di Taman Desa Ara, Tasek Gelugor yang melibatkan 106 unit rumah kos rendah.



Status pemohon yang layak dan baki permohonan sehingga 31 Disember 2018 melibatkan keseluruhan 106 unit RTO adalah seperti berikut :

**Jumlah Penyerahan Unit** — **101 unit**

**Baki Unit RTO** — **5 unit**



## AGRO INDUSTRY

### i. PERDA *Veggie Park*

Projek PERDA *Veggie Park* ini meliputi kawasan seluas 300 ekar di Tok Alang, Tasek Gelugor dan seluas 35 ekar di Pongsu Seribu, SPU yang telah diserahkan kepada PVISB oleh PERDA untuk disewakan kepada pekebun-pekebun setempat. Antara pengusaha-pengusaha adalah Koperasi Petani Pulau Pinang Berhad, Cemara Agro Sdn. Bhd. dan pekebun-pekebun kecil.



Tanaman nanas

Objektif utama projek ini adalah untuk membantu serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan miskin serta penduduk sekitar kawasan projek. Pekebun-pekebun yang mengambil bahagian mengusahakan tanaman kontan seperti betik, bendi, nanas, markisa, jagung serta sayuran berdaun.



Tanaman pelbagai sayur-sayuran



Aktiviti memungut hasil tanaman untuk jualan



Tanaman betik

## ii. Pengurusan Kelapa Sawit

Projek ini memainkan peranan aktiviti pengurusan ladang kelapa sawit seperti berikut:

- Menguruskan pentadbiran dan pengurusan kelapa sawit.
- Mengawal selia dan memantau aktiviti ladang.
- Mengutip hasil jualan tandan segar.

Tanaman kelapa sawit ini terletak di kawasan Pongsu Seribu, Kubang Menerong, Machang Bubuk, Tasek Gelugor dan Ara Kuda, SPU, Pulau Pinang. Projek dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Keluasan projek adalah sebanyak 572.49 ekar seperti berikut :

- Pongsu Seribu - 221.49 ekar
- Kubang Menerong – 220.00 ekar
- Machang Bubok - 25 ekar
- Tasek Gelugor – 46 ekar
- Ara Kuda - 60 ekar



Membaikpulih jalan ladang dan membersih kawasan ladang



Mengutip hasil ladang



## KOMPLEKS PERNIAGAAN MIDTOWN - Pengurusan MIDTOWN

Projek pemajuan Kompleks Perniagaan Midtown PERDA dimulakan pada November 2012 dengan kos pembinaannya sebanyak RM9 juta. Lokasi projek adalah terletak di Lot PT 711, Mukim 12, Jalan Kubang Menerong, 13300 Tasek Gelugor. Projek ini bertujuan untuk menyediakan premis perniagaan usahawan yang kondusif. Selain itu, projek ini dijadikan sebagai sumber dana bagi menjana pendapatan kepada PERDA. Objektif pelaksanaan projek ini adalah :

- Menyediakan ruang niaga untuk dikomersialkan oleh peniaga-peniaga yang berpotensi.
- Mengenal pasti konsep perniagaan yang berpotensi untuk menarik tumpuan penduduk sekitar khususnya dan di kawasan utara amnya akan kewujudan Midtown PERDA.
- Sebagai satu cabang dalam membantu peniaga memasarkan produk.
- Meningkatkan pendapatan syarikat.
- Membina satu jenama baru dalam pasaran dengan adanya kemudahan ruang niaga yang lengkap.

Kekerapan Penyewaan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

| TEMPAT | KEKERAPAN |
|---|---|
| DEWAN DAHLIA | 72 |
| DEWAN RAFLESIA | 50 |
| BILIK LILY / CEMPAKA | 35 |
| BILIK MELUR / MELATI | 10 |
| BILIK TERATAI / KEKWA | 25 |
| DATARAN TERBUKA / AZALEA | 99 |
| BILIK AKASIA | 2 |
| **JUMLAH** | **293** |

## Antara Aktiviti-Aktiviti yang Dilaksanakan di MIDTOWN Tahun 2018

**MAJLIS PERKAHWINAN**



**JAMUAN RAYA TADIKA**



**MAJLIS APRESIASI**




**BAZAAR RAYA MIDTOWN**



## PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN & PENYELENGGARAAN

PVISB telah mewujudkan satu lagi cabang operasi iaitu menyediakan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Ini menunjukkan inisiatif PVISB berusaha ke arah melebarkan operasi untuk menambahkan lagi pendapatan syarikat tidak tertumpu kepada projek pembangunan sahaja. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Menyediakan perkhidmatan pembersihan terperinci secara harian, bulanan atau tahunan yang merangkumi pembersihan lantai, karpet, tandas dan sebagainya.
- Perkhidmatan pembersihan dari rumah ke rumah.
- Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan seperti peralatan rosak, kawalan serangga, bangunan kompleks perniagaan dan gerai.

Kekerapan tempahan pembersihan dan penyelenggaraan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

| | KEKERAPAN |
|---|---|
| Rumah Kediaman | 406 |
| Pejabat | 21 |
| Premis Perniagaan | 171 |
| Kilang | 4 |
| IPT / sekolah dan lain-lain | 9 |



## Antara Aktiviti-Aktiviti Perkhidmatan Pembersihan & Penyelenggaraan Tahun 2018





Aktiviti pembersihan & penyelenggaraan di IPT





Aktiviti pembersihan di kilang



# LAPORAN PENILAIAN
# *OUTCOME*

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

# 09



# LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME*

PERDA menggunakan pendekatan berasaskan *outcome* dalam penilaian sesuatu pelaksanaan program intervensi. Dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 : Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* telah menggariskan tatacara pelaksanaan penilaian *outcome* untuk mengukur prestasi dan pencapaian program/projek pembangunan nasional. PERDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program/projek berdasarkan lima (5) teras utama merangkumi pertumbuhan dan pembangunan wilayah, pembangunan usahawan bumiputera, pendidikan dan latihan kemahiran, kesejahteraan rakyat dan penyampaian perkhidmatan. Pada tahun 2018, PERDA telah berjaya melaksanakan penilaian *outcome* terhadap 6 program pembangunan yang telah dijalankan untuk melihat kesan terhadap kumpulan sasar mengikut teras yang telah ditetapkan.

## PROGRAM PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR DAN LATIHAN KEMAHIRAN 2018

### OBJEKTIF PROGRAM

- Menawarkan program/ kursus kemahiran sepenuh masa peringkat sijil & diploma serta kursus kemahiran jangka pendek.
- Membekalkan pelajar dengan kemahiran dan semangat keusahawanan yang sesuai untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang setimpal dengan kemahiran yang dimiliki atau memulakan perniagaan sendiri.

### *OUTPUT*

- Graduan yang tamat pengajian:
  - » Sasaran 400 peserta
  - » Sebenar ***363*** peserta



- Pengiktirafan yang diperolehi:
  - » Sasaran 4 program
  - » Sebenar ***6*** program



### *OUTCOME*

- Graduan Bumiputera dalam bidang *High-Skill* mendapat pekerjaan dengan pendapatan RM1,500 ke atas:
  - » Sasaran 20%
  - » Sebenar ***48.6%***



- Graduan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya:
  - » Sasaran 30%
  - » Sebenar ***17%***



## PROGRAM USAHAWAN MIKRO 2017

### OBJEKTIF PROGRAM

- Mempromosi serta mengkomersialkan produk-produk keluaran IKS Bumiputera Pulau Pinang ke pasaran tempatan dan nasional.

### *OUTPUT*

- Ekspo di peringkat tempatan dan nasional :
  - Sasaran 1 program
  - Sebenar ***3*** program




- Kursus pembangunan usahawan:
  - Sasaran 2 kursus/latihan
  - Sebenar ***8*** kursus/latihan



- Mendapat manfaat di bawah program mesin dan peralatan:
  - Sasaran 30 syarikat
  - Sebenar ***46*** syarikat



- 5 syarikat mendapat manfaat di bawah program naik taraf premis:
  - Sasaran 5 syarikat
  - Sebenar ***5*** syarikat




### *OUTCOME*

- Nilai jualan tahunan syarikat yang melebihi RM 150,000
  - Sasaran 50% syarikat
  - Sebenar ***41.9%*** syarikat




- Perkembangan perniagaan:
  - Sasaran 10% syarikat
  - Sebenar ***30.7%*** syarikat




- Perluasan perniagaan:
  - Sasaran 10% syarikat
  - Sebenar ***6.37%*** syarikat



## PROGRAM SSPUP & SMPPU 2017

### OBJEKTIF PROGRAM

**Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)**
Melahirkan syarikat EKS bumiputera di peringkat pertengahan yang dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan sosio ekonomi bumiputera.

**Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU)**
Menggerakkan sumber- sumber perniagaan usahawan secara optimum bagi menjana pendapatan dari ekonomi usahawan dengan modal pusingan yang mencukupi.

### *OUTPUT*

- Menyertai ekspo di peringkat tempatan dan nasional:
  - Sasaran 50 syarikat
  - Sebenar ***46*** syarikat




- Menyertai aktiviti kursus pembangunan usahawan:
  - Sasaran 800 peserta
  - Sebenar ***850*** peserta



- Mendapat manfaat di bawah program mesin dan peralatan:
  - Sasaran 10 syarikat
  - Sebenar ***10*** syarikat



### *OUTCOME*

- Peningkatan nilai jualan tahunan syarikat yang dibimbing melebihi 15%
  - Sasaran 50% syarikat
  - Sebenar ***41.9%*** syarikat




- Perkembangan perniagaan:
  - Sasaran 10% syarikat
  - Sebenar ***7.8%*** syarikat




- Perluasan perniagaan:
  - Sasaran 10% syarikat
  - Sebenar ***20.9%*** syarikat



## MUTIARA PROGRAM DIDIK CEMERLANG AKADEMIK (MPDCA) 2017

### OBJEKTIF PROGRAM

- Meminimakan risiko ketinggalan dalam pendidikan.
- Meningkatkan pencapaian pelajar ke tingkat yang maksimum dalam peperiksaan utama.
- Membentuk para pelajar ke arah memiliki ciri-ciri *'Towering Personality'* melalui program jangka panjang.

### *OUTPUT*

- Sekolah yang mendapat manfaat:
  - » Sasaran 47 buah sekolah
  - » Sebenar ***47*** buah sekolah




- Peserta yang mendapat manfaat:
  - » Sasaran 3,000 peserta
  - » Sebenar ***3,569*** peserta



- Program yang dapat dilaksanakan:
  - » Sasaran 7 program
  - » Sebenar ***9*** program



### *OUTCOME*

- Sekolah bimbingan PERDA berada dalam kelompok 20 sekolah terbaik UPSR
  - » Sasaran 3 sekolah
  - » Sebenar ***TIADA***



- Pelajar peroleh 6A dan 5A
  - » Sasaran 5% peroleh 6A
  - » Sasaran 5% peroleh 5A
  - » Sebenar ***2.7%*** peroleh 6A
  - » Sebenar ***3.05%*** peroleh 5A




- Peratus lulus UPSR :
  - » Sasaran 75% lulus UPSR
  - » Sebenar ***67.47%*** lulus UPSR



## PROGRAM PEMERKASAAN BELIA 2017

**OBJEKTIF PROGRAM**

- Peningkatan semangat patriotik dan sahsiah diri dengan pengisian program merangkumi sejarah negara, kuliah agama, suntikan motivasi dan ujian ketahanan diri.

***OUTPUT***

- Peserta yang mendapat manfaat:
  - Sasaran 600 peserta
  - Sebenar ***696*** peserta



- Program yang dapat dilaksanakan:
  - Sasaran 8 program
  - Sebenar ***8*** program



***OUTCOME***

- Belia yang bersikap positif:
  - Sasaran 90%
  - Sebenar ***90.2%*** syarikat



- Pimpinan belia mendukung aspirasi negara:
  - Sasaran 10%
  - Sebenar ***88.0%***



## KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PENGURUSAN PREMIS PERDA 2018

**OBJEKTIF PROGRAM**

- Menilai keberkesanan dalam urusan penyelenggaraan premis .

***OUTCOME***

- INDEKS NILAI KEBERSIHAN ***MEAN : 2.59***



- INDEKS NILAI KEMUDAHAN PELANGGAN (PENYELENGGARAAN) ***MEAN : 2.64***




- INDEKS NILAI IDEAL-PERSEPSI PELANGGAN ***MEAN : 2.87***



- INDEKS NILAI KEMUDAHAN ***MEAN : 2.61***











# DIARI PERISTIWA
# PERDA 2018

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

10

## 23 & 24 JANUARI 2018

- Sesi Taklimat Promosi PERDA-TECH kepada Guru-guru Kaunseling Daerah Kota Setar  dan Baling, Kedah









## 15 MAC 2018

- Program Promosi ke Sekolah Sekitar Pulau Pinang sempena Keputusan Peperiksaan SPM Dikeluarkan








## 14 APRIL 2019

- Program Lawatan & Khidmat Masyarakat Unit Bimbingan dan Kaunseling PERDA-TECH ke Rumah Teduh PERLIS







## 19 APRIL 2018

- Sukan PERDA-TECH





## 31 OGOS 2018

- Perarakan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang oleh Warga PERDA dan PERDA-TECH










## 24 SEPTEMBER 2018

- Lawatan Kerja oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri ke PERDA-TECH









## 29 SEPTEMBER 2018

- Penyertaan Sukan ICU JPM oleh PERDA Mewakili Zon Utara - Memenangi Pingat Emas Acara Karom






## 5-7 OKTOBER 2018

- Program Bakti Siswa Tahun 2018 Bertempat di Kg. Pertama Permatang Pauh, SPT






## 20 NOVEMBER 2018

- Perarakan Sambutan Maulidur Rasul 1441 Hijrah oleh Warga PERDA







## 26 DISEMBER 2018

- Lawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Seri Rina Mohd Harun ke Projek Hotel PERDA Telok Bahang, Pulau Pinang










# PERDA DI MEDIA 2018

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

11

# MENTERI KPLB MELAWAT PROJEK HOTEL PERDA TELUK BAHANG



Datuk Seri Rina ketika melawat dan mendengar taklimat daripada pemaju di bangunan Hotel PERDA Teluk bahang yang dalam peringkat akhir penyiapan.





Baru-baru ini dalam lawatan kerja rasmi Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ke Pulau Pinang dan Kedah telah melawat Projek Hotel PERDA di Teluk Bahang.

Projek Hotel PERDA merupakan satu bahagian daripada komponen Projek Pembangunan Bercampur Teluk Bahang yang meliputi komponen lain iaitu satu blok pangsapuri kos rendah dan tiga blok kondominium.

Ia dibangunkan secara usaha sama penswastaan antara anak syarikat PERDA, PERDA *Venture Incorporated* (PVI) dengan Syarikat Gayarena Sdn. Bhd.

Projek Hotel PERDA yang bertaraf empat bintang ini masih di dalam pembinaan dan bakal menyediakan sebanyak 160 buah bilik, 5 unit kedai, bilik mesyuarat dan seminar, dewan bankuet, *gymnasium*, restoran dan kolam renang.

Turut bersama mengiringi lawatan kerja ini ialah Dr. Afif Bahardin, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Zulkifli Mat Lazim, Adun Teluk Bahang, Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha KPLB, Rosman Hashim, Pengurus Besar PERDA dan pegawai-pegawai kementerian dan agensi di bawah kementerian.

Dalam lawatan kerja ini, Datuk Seri Rina turut melawat projek prasarana Jalan Luar Bandar (JALB) KPLB Bagan Sungai Pinang ke Pulau Betong, di Balik Pulau, kemudian pada hari kedua beliau menghadiri Program "Jom Kembali ke Sekolah" di Dewan SMK Taman Mutiara, Kulim Kedah.

# CABUTAN UNDI PEMBELI RUMAH PANGSAPURI TELUK BAHANG








Seramai 41 orang pembeli telah menghadiri majlis cabutan undi bagi rumah pangsapuri Teluk Bahang yang dibangunkan oleh PERDA melalui anak syarikatnya, PERDA *Venture Incoporated* (PVI) dengan kerjasama Syarikat Gayarena pada 15 Disember 2018 yang lalu.

Majlis yang diadakan di Sekolah Rendah Agama At Tarbiah Al Islamiah Teluk Bahang ini telah dirasmikan oleh Adun Teluk Bahang, Zulkifli Mat Lazim.

Di dalam ucapan perasmian beliau merakamkan ucapan teima kasih kepada PERDA kerana melaksanakan program pembanguan di dalam kawasan Teluk Bahang, khusus pembangunan perumahan mampu milik.

Projek perumahan pangsapuri yang hampir siap ini, memulakan pembinaannya pada Julai 2014, menyediakan sebanyak 100 unit kediaman apartment kos rendah yang dijual pada harga RM 42,000.00 setiap satu.

Pembeli-pembeli ini merupakan senarai yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mereka yang terlibat di dalam pengambilan tanah projek ini dahulu



Adun Teluk Bahang, Zulkifli Mat Lazim meluangkan masa merasmikan Majlis Cabutan Undi Rumah Pangsapuri Teluk Bahang.



Dato' Seri Dr. Wan Azizah (tengah) bersama Datuk Seri Rina menyaksikan kerja- kerja amali pelajar senireka fesyen.

# ILMU

**sebagai teras persiapan diri pelajar PERDA-TECH untuk mengharungi cabaran Revolusi Industri 4.0 – Saranan Timbalan Perdana Menteri**

Pelajar Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) harus persiapkan diri dengan memiliki kualiti diri seperti kemahiran komunikasi, teknikal, berfikiran kreatif dan inovasi serta berani berfikir dan bertindak di luar kotak sesuai dengan zaman Revolusi Industri 4.0. Demikian ditekankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ketika menyampaikan ucapan di hadapan lebih 600 pelajar PERDA-TECH sempena lawatan kerja beliau ke PERDA-TECH.

Dalam lawatan ini, beliau telah diberikan taklimat oleh pengurusan PERDA tentang perjalanan PERDA-TECH yang merangkumi tawaran-tawaran program, kemudahan prasarana dan pencapaian yang diperolehi oleh pelajar dan PERDA-TECH sendiri. Beliau juga mengambil kesempatan melawat bengkel -bengkel yang menyediakan program khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) iaitu bengkel kimpalan, automotif dan senireka fesyen.

Bersambung ke muka surat 2





Dato' Seri Dr. Wan Azizah ketika di bengkel automotif dan bengkel kimpalan.



Kontijen perarakan dari ibu pejabat PERDA.



Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) turut terlibat di dalam Perarakan Hari Kebangsaan 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

# PENYERTAAN PERDA DI PERARAKAN HARI KEBANGSAAN 2018

Tanggal 31 Ogos 2018, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah menghantar dua kontinjen untuk menyertai Perarakan Hari Kebangsaan kali ke-61 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sambutan kali ini yang bertemakan 'Sayangi Malaysiaku' telah diadakan di Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

Dimaklumkan oleh penganjur bahawa jumlah penyertaan kontinjen kali ini ialah lebih daripada 200 penyertaan yang meliputi sektor awam, sektor swasta, institusi pengajian tinggi, institusi latihan, badan uniform ko-kurikulum sekolah dan pasukan pancaragam.

Kontinjen ibu pejabat PERDA yang mempunyai keahlian sebanyak 42 orang anggota kerja menyertai perarakan di bawah kategori sektor awam.

Manakala kontinjen Institut Latihan Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) yang dianggotai oleh sebanyak 51 orang pelajar menyertai perarakan ini di bawah kategori institusi latihan. Kontinjen ibu pejabat PERDA diketuai oleh Timbalan Pengurus Besar, Mohd. Asri Baharum .

'Menjadi agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan wilayah Pulau Pinang,' dengan slogan 'Merealisasikan harapan rakyat' berkumandang dibacakan oleh pengacara majlis ketika kontinjen PERDA melalui pentas utama.

Perarakan kontinjen-kontinjen ini disaksikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri dan barisan Exco Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan orang ramai.



# MPDCA



## Program StraTG A SPM Sains Siri 1

Seramai 153 orang pelajar SPM telah menyertai Program StraTG A SPM Sains Siri 1 yang telah diadakan sepanjang 28-29 Julai 2018 bertempat di Institut Latihan Kecemerlangan Mara (ILKM), Jawi. Program ini merupakan sebahagian daripada Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) yang dianjurkan oleh PERDA yang melibatkan 13 buah sekolah dari seluruh negeri Pulau Pinang. Pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar sederhana cemerlang.

Pelajar telah diberi tunjuk ajar dan teknik untuk menjawab soalan Sains melalui kaedah Gallery Work. Menurut Ketua Fasilitator, Shamsidda Mohamat Nor, kaedah pembelajaran Gallery Work telah diperkenalkan kepada para pelajar di mana pelajar dibahagikan kepada 9 kumpulan untuk menyelesaikan soalan yang berkonsepkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan perlu menjalankan pembentangan.

Kaedah ini sangat efektif kerana dapat membantu pelajar untuk berfikir secara relevan selain meningkatkan kefahaman mereka dan membuat persediaan sebelum melaksanakan pembentangan. Kumpulan pembentang terbaik telah menerima hadiah dari pihak fasilitator.

Tenaga pengajar yang terlibat untuk program ini terdiri daripada guru mata pelajaran Sains yang berpengalaman dan telah berkhidmat lebih kurang sepuluh tahun sebagai pendidik.

